

Bil. 32

**Isnin
21 Julai 1997**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 12)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1997	(Ruangan 12)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 40)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN: Dasar Perumahan Negara - <i>Y.B. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)</i>	(Ruangan 40)
Mendepani Israel dan Zionis - Jenayah Talam Dua Muka - <i>Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)</i>	(Ruangan 42)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

Yang Berhormat	Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
“	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
“	Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
“	Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
“	Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
“	Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
“	Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
“	Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
“	Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
“	Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
“	Tuan Asmat Nungka (Beluran)
“	Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
“	Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
“	Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
“	Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
“	Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
“	Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 21 Julai 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGIPERTANYAAN-PERTANYAANSENJATA API - PERTUKARAN MILIK
KEPADA WARIS

1. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa tuan-tuan punya senjata api yang berumur lebih 60 tahun tidak lagi dibenarkan untuk memilikinya lagi dan senjata tersebut tidak dibenarkan bertukar nama kepada waris mereka yang cukup syaratnya. Jika sedar, apakah tindakan-tindakan yang diambil supaya senjata-senjata itu tidak dipulangkan balik.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Kerajaan tidak pernah melarang mereka yang berumur lebih 60 tahun untuk terus memiliki senjata api atau menukar hak milik senjata api kepada waris.

Apa yang dilakukan oleh pegawai pelesen diketika ini ialah membuat pemeriksaan fizikal ke atas pemegang lesen senjata api yang berumur lebih 60 tahun semasa pembaharuan lesen bagi memastikan pemohon masih memiliki kecekapan menembak dan diperakukan sihat oleh doktor.

Sekiranya didapati pemohon masih sihat dan mampu mengendalikan senjata api, maka pembaharuan lesen akan diluluskan.

- (ii) Pemilikan permit senjata api bukanlah merupakan perkara yang boleh diturunkan secara automatik kepada waris sebagai pusaka.

Walau bagaimanapun, pertukaran milik senjata api daripada pelesen asal kepada waris boleh dilakukan dan pertimbangan akan dibuat berdasarkan kepada kelayakan dan syarat-syarat yang sedia ada.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seseorang Wakil Rakyat boleh diberi satu lesen senjata api yang berbunyi: 'Lesen ini diberi semasa Yang Berhormat menjadi Wakil Rakyat. Lesen akan ditarik balik apabila Yang Berhormat tidak lagi menjadi Wakil Rakyat'.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu penghargaan kepada perkhidmatan Wakil Rakyat selepas beliau bersara, adakah kementerian Yang Berhormat bercadang supaya Wakil Rakyat diberi satu lesen walaupun beliau tidak lagi menjadi Wakil Rakyat.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya lesen senjata api tidak akan ditarik balik hanya oleh kerana seseorang itu tidak menjadi Wakil Rakyat. Sekiranya beliau dapat melaksanakan segala syarat-syarat pemberian senjata api dan tidak melakukan apa-apa kesilapan atau kesalahan, kita boleh pertimbangkan supaya beliau terus dibekalkan dengan senjata api berkenaan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyoal tentang pertukaran milik senjata api untuk tujuan mengawal tanaman atau musuh tanaman terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar termasuklah kawasan Kangar dan juga kawasan Gerik barangkali Yang Berhormat. Kita dapati bahawa ada kemungkinan boleh ditukar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, apakah syarat-syarat yang boleh melayakkan seseorang itu memohon untuk menukar milik senjata api baik daripada bapa atau datuknya kepada pemohon itu sendiri.

Dalam kawasan saya ada juga yang memohon tetapi sukar untuk mendapat kelulusan, kenapa jadi begitu?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, pemilikan senjata api sememangnya dipersukarkan pada masa ini, oleh kerana adalah menjadi hasrat kerajaan supaya tidak ramai daripada anggota masyarakat kita memiliki senjata api.

Salah satu syarat untuk diturunmilikkan senjata api daripada bapa kepada anak ialah anak tadi perlu membuktikan yang beliau mempunyai dusun ataupun kebun yang memerlukan penggunaan senjata api - yang ini saya rasa Ahli Yang Berhormat maksudkan senapang patah - yang memerlukan senapang patah untuk menjaga kebun atau dusun tadi daripada serangan binatang-binatang buas ataupun monyet dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dr. Tan Kee Kwong.

[Soalan No. 2 - Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] tidak hadir]

PASARAN PERTUKARAN ASING - PANDANGAN KERAJAAN

3. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pandangan kerajaan terhadap pasaran pertukaran asing dan keadaan hartanah Malaysia dan apakah langkah kerajaan untuk mengelakkan tawanan negara asing dan sindiket luar negara melalui pasaran pertukaran asing Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini berserta soalan Ahli Yang Berhormat dari Rompin yang dijadualkan untuk dijawab pada 28 Julai 1997, memandangkan kedua-dua soalan ini menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah ekonomi yang terbuka, oleh yang demikian pergerakan Ringgit bukan hanya mencerminkan prestasi ekonomi tempatan, malah ia juga turut dipengaruhi oleh perkembangan pasaran pertukaran asing terutamanya pergerakan matawang utama dunia dan serantau. Akhir-akhir ini pengurus-pengurus dana telah bergiat dalam aktiviti spekulasi ke atas beberapa matawang serantau termasuk Ringgit.

Dasar pertukaran asing negara ialah membenarkan kuasa-kuasa pasaran menentukan nilai Ringgit berlandaskan asas-asas ekonomi negara. Walaupun tahap pasaran nilai Ringgit tidak ditetapkan, Bank Negara Malaysia akan campur tangan dalam pasaran pertukaran asing apabila wujud turun naik nilai Ringgit yang keterlaluan terutamanya apabila ia disebabkan oleh aktiviti spekulasi yang tidak disokong oleh asas-asas ekonomi.

Asas-asas ekonomi negara terus kukuh dan perkembangan terbaru dalam pasaran pertukaran asing ini adalah sementara sahaja akibat perkembangan serantau dan pasaran kewangan antarabangsa seperti kenaikan nilai Dollar Amerika Syarikat akibat kejatuhan Deutsche Marks.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut keadaan 'floating currency' di negeri Thai dan Filipina dan akibatnya

harga barangan pun naik. Soalannya jikalau situasi seperti ini berlaku di Malaysia, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa kadar inflasi dikekalkan dengan rendah atau tidak melebihi 4%?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan masalah pasaran wang sekarang ini menjadi satu perkara yang dinyatakan dan diperkatakan dan Ringgit Malaysia telah menjadi sasaran bukan sahaja Baht seperti yang dikatakan tadi, bukan sahaja Pesos tetapi juga Rupiah dan akhir-akhir ini Ringgit Singapura juga menjadi sasaran kumpulan spekulasi matawang asing ini.

Jadi, kumpulan spekulasi matawang asing ini tidak ada morale concern atau social concern dan mereka cuma mencari keuntungan semata-mata dan mereka merupakan 'hot money' yang boleh keluar dan masuk semasa mereka melihat bahawa keuntungan berlaku.

Dan sepertimana yang kita katakan dahulu bahawa para ahli ekonomi telah mengatakan di Tenggara Asia ini bahawa ia akan merupakan satu kancan pelaburan ekonomi yang cemerlang ataupun yang dikatakan 'Asian Economic Miracle'. Mereka memikirkan bahawa negara kita maju semata-mata kerana perkilangan elektronik dan sebagainya.

Jadi, apabila perkilangan elektronik ini tidak mendapat sambutan lagi dan kita mengeksport agak lebih rendah, jadi, mereka mengatakan bahawa pada masa inilah mereka hendak membuat serangan kepada matawang kita.

Jadi, oleh kerana pada 13 Mei, ini perkataan '13 Mei ini', negara jiran kita iaitu Thailand telah pun menunjukkan suasana tidak kestabilan dari segi matawang, oleh kerana asset inflation atau inflasi sektor hartanah dan banyak hutang yang tidak berbayar, maka pada masa inilah juga mereka cuba hendak menjejaskan matawang negara kita juga.

Oleh kerana itu, apa yang dilakukan oleh Bank Negara ialah membuat intervention, apabila Bank Negara membuat intervention membeli wang kita, maka bank-bank lain mendapati bahawa putaran wang tidak ada dan mereka akan pergi meminjam wang daripada interbank change rate, dengan izin.

Jadi, oleh kerana itu, Klibor akan naik dan oleh kerana Klibor naik maka based lending rate akan juga naik. Dan oleh kerana itulah sekarang ini kita lihatlah bahawa BLR sekarang ini bukan 7% tetapi 9%.

Kita akan cuba memastikan bahawa intervensi daripada Bank Negara ini tidak berleluasa kerana ini merupakan satu perkara yang temporary, yang sementara dan Yang Amat Berhormat Pemangku

Perdana Menteri pun mengatakan bahawa kita akan mengambil tindakan-tindakan yang drastik ke atas spekulasi ini. Dan dengan itu kita berharap inflasi akan turun.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab musabab kerajaan mengarahkan Jawatankuasa Pelaburan Asing memudahkan prosedur pembelian harta tanah dan rumah oleh pembeli-pembeli asing, sedangkan kerajaan telah mengenakan levi pembelian bagi mengawal pembelian asing.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dijawab pada sesi-sesi yang lepas, kita mempunyai apa yang dikatakan berlebihan bukan dari segi perumahan, maknanya sekarang harga rumah dengan supply and demand, dengan izin, stabil. Maknanya, ada supply dan ada demand. Tetapi, apa yang kita takuti nanti ialah harga runcit dan harga office space, dengan izin, dan juga harga kondominium yang berlebihan. Jadi, apa yang dilakukan baru-baru ini diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri bahawa FIC hendaklah melihat balik semula tentang levi kita supaya "the upper ends" bahagian atas ini yang tidak mampu dibeli oleh orang tempatan boleh dibeli oleh orang asing. Terima kasih.

SISTEM PENDIDIKAN NEGARA - REFORMASI

4. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pendidikan menerangkan sejauh manakah hasil kajian terhadap cadangan untuk melakukan rombakan atau reformasi secara menyeluruh kepada sistem peperiksaan negara di dalam Sistem Pendidikan Negara di setiap peringkat. Apa faktor utama yang diambil kira bagi melakukan reformasi ini, serta apakah persediaan pihak kementerian bagi melatih semula tenaga pendidik yang terlibat, supaya cadangan reformasi tidak akan memberikan kesan negatif terhadap sistem pendidikan negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk melakukan rombakan atau reformasi secara menyeluruh terhadap Sistem Pendidikan Negara di setiap peringkat masih dalam kajian dan perancangan.

Sebarang perubahan atau reformasi perlu dirancang dengan teliti untuk mengambil kira keperluan-keperluan kepada pelajar, kesediaan guru serta latihan dan juga soal-soal pengiktirafan sijil peperiksaan di peringkat-peringkat yang berkaitan.

Dari segi penyediaan tenaga pendidik, Bahagian Pendidikan Guru sedang merancang latihan bagi jurulatih utama dan guru-guru tentang perubahan sistem penilaian yang akan dilaksanakan di bawah konsep bestari. Pada masa yang sama kurikulum latihan guru praperkhidmatan juga telah disemak untuk memasukkan unsur-unsur penilaian dan sistem peperiksaan baru yang akan diperkenalkan nanti.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, seringkali kita dengar laporan-laporan daripada pihak institusi pengajian di mana ramai pelajar yang lulus peperiksaan tetapi tidaklah pandai berfikir ataupun menggunakan apa yang mereka pelajari dan ada pula yang dikatakan sampai ke Tingkatan Enam ataupun peringkat Tahun Satu dalam institusi pengajian tinggi tetapi tidak pandai menulis dengan baik. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tanda-tanda bahawa ada masalah dalam sistem peperiksaan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, selain daripada perkara-perkara seperti ini apakah rasional dan masalah-masalah yang dihadapi dalam sistem penilaian yang sekarang ini telah sampai ke tahap di mana perlu mengkaji sistem peperiksaan secara meluas. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dari segi keseluruhannya, dakwaan Ahli Yang Berhormat itu tidak benar. Kebanyakan pelajar yang graduate, yang keluar daripada universiti tempatan kita memang mempunyai tahap yang tinggi, sama ada dalam kemampuan mereka atau dalam kebolehan menulis, berfikir dan sebagainya. Namun demikian, tidak boleh dinafikan dalam apa-apa sistem juga ada satu, dua yang mungkin prestasi mereka tidak sampai ke tahap yang masyarakat perlukan. Untuk mengatasi masalah-masalah tersebut, Kementerian Pendidikan selalunya mengkaji semula kurikulum kita dan memperkenalkan mata pelajaran-mata pelajaran yang baru untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Di peringkat sekolah kita sudah adakan kurikulum-kurikulum yang baru berkaitan dengan, dengan izin, creative thinking dan sebagainya supaya pelajar-pelajar kita boleh disediakan dengan latar belakang akademik (academic basis) untuk mempertingkatkan pencapaian mereka lagi.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, mengenai reformasi pendidikan ini, saya cuma hendak tanya sama ada memandangkan tempoh masa belajar di negara kita ini adalah lebih panjang jika dibandingkan dengan belajar di negara-negara lain, jadi sama ada kementerian Yang Berhormat

bercadang untuk memendekkan tempoh masa untuk belajar di negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan bahawa mengikut hakikat, sistem pendidikan negara kita memang memerlukan masa yang lebih panjang dibandingkan dengan sistem-sistem negara yang lain. Misalnya, kebanyakan kursus universiti kita memerlukan sekurang-kurangnya empat tahun di negara kita sedangkan di kebanyakan kursus di universiti di negara seperti United Kingdom mengambil masa tiga tahun sahaja. Jadi, untuk mengatasi masalah itu, Kementerian Pendidikan sudah ambil tindakan sewajarnya. Kita sudah nasihat universiti-universiti tempatan kita supaya pendekkan kursus mereka, kalau boleh kepada tiga tahun dan sebagainya dan dari segi tempoh persekolahan, Kementerian Pendidikan sedang dalam peringkat terakhir kajian supaya kita sedang kaji bagaimana kita boleh mengatasi masalah ini kerana tidak boleh dinafikan disistem persekolahan menengah, misalnya kita perlukan pelajar-pelajar kita mengambil peperiksaan awam tiga kali; PMR, SPM dan STPM sebelum mereka boleh memasuki universiti sedangkan kebanyakan negara lain itu perlukan pelajar-pelajar mereka mengambil peperiksaan awam dua kali sahaja. Jadi, itulah dalam beberapa aspek yang Kementerian Pendidikan sedang kaji dan kita harap kita boleh membuat satu keputusan dengan mengambil kira feedback daripada pihak awam dan pihak guru-guru dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood.

[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Kerai] tidak hadir]

KEM/PUSAT AKTIVITI RAKAN MUDA DI KEDAH

6. **Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengapa sehingga hari ini negeri Kedah tidak menganjurkan Kem Rakan Muda/Pusat Aktiviti Rakan Muda di peringkat daerah dan bilakah kem tersebut akan diwujudkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Program Rakan Muda di negeri Kedah Darulaman berjalan dengan memuaskan semenjak program ini dilancarkan. Sehingga hari ini, sejumlah 264 aktiviti yang melibatkan 136,811 orang penyertaan telah diadakan di peringkat negeri dan daerah. Sebanyak 70 aktiviti

lagi dengan 50,000 penyertaan dijangka akan diadakan dalam bulan Ogos hingga Disember tahun ini. Kementerian telah membelanjakan sejumlah lebih kurang RM2 juta bagi membiayai aktiviti Rakan Muda kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan iaitu Pertubuhan Belia, Sukan, Waja Diri, Rekreasi dan Cinta Alam sejak tahun 1994 hingga Jun 1997 untuk negeri Kedah Darulaman.

Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian tidak merancang untuk membina Pusat Rakan Muda di daerah-daerah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Walau bagaimanapun, kementerian ada merancang untuk membina sebuah Pusat Rakan Muda bagi negeri Kedah di daerah Sungai Petani. Pada masa ini kementerian sedang berunding dengan kerajaan negeri bagi mendapatkan tapak yang sesuai dengan konsep pembinaan pusat tersebut. Setelah tapak berkenaan dipersetujui pembinaan akan dijalankan seberapa segera. Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Kedah sekarang ini sedang mengadakan satu rancangan iaitu rancangan mengumarahkan masjid di mana kanak-kanak sekolah ini digalakkan supaya mereka mendekati masjid, mentelaah mata pelajaran mereka di masjid, apatah lagi di kawasan-kawasan kampung di mana rumah mereka itu tidak begitu sesuai untuk belajar, jadi mereka ini disuruh untuk berada di masjid.

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hai, kawan sama kawan pun marahkah? *[Ketawa]* Jadi, saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen ini sama ada Kementerian Belia dan Sukan juga akan bekerjasama dengan kerajaan negeri memberi sedikit sebanyak peruntukan supaya belia-belia kita ini ataupun rakan masjid ini dapat diselaraskan dengan skim mengumarahkan masjid supaya ini dapat diselaraskan dan kita dapat membendung masyarakat muda daripada gejala sosial. Di samping itu juga adakah pihak kementerian bercadang untuk menyelaraskan kehendak Kerajaan Negeri Kedah, mungkin di negeri-negeri lain iaitu mengadakan gelanggang sepak takraw dan lain-lain di dalam kawasan masjid supaya dengan ini kita akan dapat mendekati generasi muda dengan masjid. Terima kasih.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, baguslah itu orang Kedah buat kerja untuk rakan masjid. Saya bagi pihak kementerian ingin

mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri Kedah dan ahli-ahli Yang Berhormat yang datang dari Kedah.

Keduanya, saya rasa bahawa pihak kementerian mungkin tidak ada keberatan untuk bekerjasama dan jika program yang diutarakan, sama ada gelanggang sepak takraw atau gelanggang-gelanggang lain, aktiviti-aktiviti yang akan membawa kesan positif kepada anak muda dan remaja kita, insya-Allah, kementerian akan bekerjasama.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekian lama Program Rakan Muda telah dilaksanakan oleh pihak kementerian atau oleh pihak kerajaan. Nampaknya kesannya tidak begitu positif. Akhirnya terpaksa pihak Kerajaan Negeri Selangor di bawah Majlis Agama Islam telah mengambil tindakan terhadap tiga orang wanita Islam yang ikut bertanding dalam pertandingan ratu cantik. Nampaknya pandangan Yang Berhormat dengan pandangan Mufti Negeri Selangor ini agak bercanggah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa soalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalannya Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah Program Rakan Muda yang telah dilaksanakan sehingga kini dapat mengurangkan penglibatan muda-mudi kita, bukan sahaja Islam, bahkan semua kaum dalam negara kita ini dalam hal-hal yang negatif. Apa yang saya lihat ini bukan semakin mengurang tetapi semakin meningkat. Ini menunjukkan kementerian Yang Berhormat telah gagal. [Ketawa] Terima kasih.

Seorang Ahli: Apa naik angin ini? [Ketawa]

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi hanya dihadkan kepada negeri Kelantan sahaja. [Sorak] Oleh kerana, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kami daripada kementerian apabila hendak buat aktiviti di Kelantan memang tidak pernah diberi kebenaran, di mana-mana pegawai belia dan sukan yang ada kita kena mengambil tindakan yang positif untuk menentukan bahawa remaja dan belia terutamanya yang dari Kelantan dapat memanfaatkan daripada Program-program Rakan Muda, hinggakan Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Persekutuan hendak binakan satu pusat Rakan Muda di negeri Kelantan, hingga kini Kerajaan Negeri Kelantan tidak membenarkan penggunaan tanah-tanah kerajaan yang ada di sana. [Sorak] Sekian, terima kasih.

PROJEK BUKIT LARUT TAIPING - CADANGAN PEMBINAAN

7. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa Projek Bukit Larut Taiping (yang beranggaran belanja RM200 juta) akan menjejaskan alam sekitar, adakah ini diingini oleh Perdana Menteri untuk berlaku memandangkan beliau telah memberi satu kenyataan selepas tragedi di Genting: "Some countries feel they are unlucky not be blessed with hills and mountain, and here we are, destroying some of the most beautiful resorts you can find".

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Projek Bukit Larut masih di dalam peringkat rancangan dan ianya merupakan satu projek yang diusahakan oleh kerajaan negeri berkenaan iaitu negeri Perak untuk membaiki dan meningkatkan taraf kemudahan dan perkhidmatan yang sedia ada. Kerajaan negeri yang berkenaan juga akan menentukan bahawa aspek alam sekitar akan diberi perhatian sewajarnya dalam pengurusan projek tersebut. Pihak kerajaan negeri telah membuat kajian terhadap projek ini dan mencadangkan corak pembangunan yang paling minimum. Corak pembangunan yang dicadangkan adalah bergantung kepada keupayaan Bukit Larut itu sendiri menampung pembangunan tanpa menjejaskan kesan yang negatif seperti tidak akan mewujudkan kawasan tepu bina tambahan yang baru, membuat kajian kesan alam sekitar serta menjalankan pembaikan ke atas bangunan secara berperingkat.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini cadangan telah dibuat oleh kerajaan negeri untuk menghentikan projek ini di Bukit Larut dan soalan saya adalah apakah sebab utama projek ini telah dibatalkan dan adakah kerajaan bercadang supaya Bukit Larut ini akan digazetkan sebagai tanah warisan (heritage) atau akan digazetkan sebagai kawasan hijau (green lung) di tempat tersebut. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang telah dikenakan kepada pemaju untuk projek ini ialah:-

- (i) tidak akan mewujudkan kawasan tebus bina tambahan yang baru;
- (ii) akan menjalankan kajian kesan alam sekitar secara terperinci sebelum pembangunan;
- (iii) melaksanakan langkah-langkah mengatasi kesan negatif alam sekitar;

- (iv) pembaikan bangunan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi mengurangkan kesan negatif yang mungkin timbul; dan
- (v) pengawasan pembangunan akan dijalankan oleh jawatankuasa yang ditubuhkan oleh UPEN.

Mungkin satu daripada lima syarat ini tidak dapat dilaksanakan dan itu menyebabkan projek ini tidak dijalankan.

PERTANDINGAN BOLA SEPAK PIALA DUNIA REMAJA (FIFA) COCA-COLA - BILANGAN PENONTON

8. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) jumlah penonton yang menyaksikan bola sepak Piala Dunia Remaja (FIFA) Coca-Cola dan adakah kementerian berpuas hati dengan sambutan penonton dan adakah kajian dibuat bagi mengenal pasti punca-punca kekurangan penonton menyaksikan kejohanan tersebut; dan
- (b) adakah kementerian merangkakan program yang lebih baik bagi memastikan kehadiran penonton yang lebih ramai untuk menyaksikan Sukan Komanwel apabila pesta tersebut diadakan nanti.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah penonton tempatan yang menyaksikan kejohanan Bola Sepak Piala Dunia Remaja (FIFA) Coca-Cola 1997 di enam venue pertandingan ialah antara 600,000 hingga 650,000 orang. Manakala sebanyak 82 negara telah menayangkan sebahagian besar perlawanan-perlawanan penting secara langsung ke negara mereka dan sebanyak 132 negara pula menayangkan sama ada secara langsung ataupun tertunda.

Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa iaitu FIFA menganggarkan seramai satu bilion penonton telah menyaksikan perlawanan tersebut ialah melibatkan jumlah yang tertinggi semenjak kejohanan ini dikelolakan.

Dari segi sambutan penonton tempatan, Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya tidak berapa berpuas hati kerana perlawanan-perlawanan yang bertaraf dunia

ini sepatutnya dapat menarik lebih ramai peminat menyaksikannya. Antara faktor-faktor berlakunya kekurangan penonton ialah:-

- (i) Kurangnya publisiti tentang kejohanan. Di dalam perkara ini Persatuan Bola Sepak Malaysia tidak boleh berbuat apa-apa memandangkan bahawa hak penajaan dan pengiklanan dipunyai oleh FIFA dan Coca-Cola sebagai penaja utama. Pihak Coca-Cola hanya melipatgandakan usaha untuk mempertingkatkan promosi kejohanan di saat-saat akhir apabila menerima teguran daripada ahli Majlis Persatuan Bola Sepak Malaysia.
- (ii) Pihak penaja juga sepatutnya menggunakan perkhidmatan Perbadanan Pelancongan Malaysia iaitu TDC untuk mempromosikan kejohanan ke negara-negara luar menerusi pejabat-pejabat mereka yang terdapat di seluruh dunia. Kesempatan juga boleh diambil untuk mempromosikan negara ini ke negara-negara lain terutamanya yang menyiarkan perlawanan-perlawanan kejohanan di atas secara langsung.
- (iii) Secara tradisinya peminat-peminat bola sepak di Malaysia hanya menyaksikan perlawanan-perlawanan utama atau yang melibatkan pasukan-pasukan yang mereka gemari sahaja. Ini terbukti di mana setengah-setengah perlawanan yang melibatkan negara-negara seperti Argentina, Brazil, Perancis, Ghana dan England telah berjaya menarik ramai penonton. Manakala perlawanan-perlawanan yang melibatkan negara-negara lain seperti Costa Rica, Amerika Syarikat, Kanada dan lain-lain tidak berjaya menarik penonton-penonton yang ramai.
- (b) Tuan Yang di-Pertua, program-program khusus sedang diatur bagi memastikan kehadiran penonton yang lebih ramai untuk menyaksikan Sukan Komanwel Ke-16, Kuala Lumpur 1998. Di antaranya ialah dengan mengadakan cabutan nombor bertuah sebelum dan selepas sukan ini

berlangsung; menyediakan kemudahan awam yang teratur dan sempurna di samping harga-harga tiket masuk yang berpatutan. Selain dari itu, Kementerian Pendidikan juga akan menjadualkan semula cuti semester persekolahan sewaktu berlangsungnya Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998 nanti. Ini bertujuan bagi membolehkan pelajar-pelajar sekolah datang untuk menyaksikan sukan ini serta menggalakkan ibu bapa-ibu bapa membawa anak-anak mereka melawat Kuala Lumpur untuk menonton acara-acara yang diadakan.

Sementara itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan juga telah merangka program-program kesenian dan kebudayaan yang akan diadakan sepanjang berlangsungnya Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998 untuk memeriahkan lagi kejohanan ini. Program-program ini juga akan menarik lebih ramai pengunjung ke Bandaraya Kuala Lumpur dan venue pertandingan Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Timbalan Menteri tadi yang mengatakan lebih 6 bilion penonton telah melihat secara langsung pertandingan bola sepak ini. Jadi, ini.....

Dato' Loke Yuen Yow: 1 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya. Yang Berhormat, angka itu tidak sama.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: 1 bilion, tersalah dengar. Jadi, ini menunjukkan bahawa negara kita telah berjaya dan mampu menjadi satu penganjur yang baik melalui pertandingan bola sepak. Saya difahamkan untuk pertandingan Sukan Komanwel bahawa cuma lima jenis sukan yang berpasukan sahaja dibenarkan dan sukan bola sepak tidak termasuk di dalam Sukan Komanwel. Jadi, saya ingin tahu apakah rasional, kenapakah sukan bola sepak yang begitu menarik minat hampir seluruh penduduk di Malaysia tidak dimasukkan sedangkan kita memilih jenis-jenis sukan lain yang mana kurang minat dan kurang kesesuaian soal bentuk tubuh badan bagi pemain-pemain warganegara Malaysia. Jadi, saya ingin tahu apakah rasional dan adakah daya usaha sedang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk menentukan bahawa pertandingan bola sepak dimasukkan di dalam pertandingan Sukan Komanwel hasil daripada kejayaan penganjuran bola sepak remaja baru-baru ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang memuji kejayaan negara kita menganjurkan kejohanan Bola Sepak Piala Dunia Remaja baru-baru ini. Berkenaan dengan Sukan Komanwel mengapa cuma lebih kurang lima jenis sukan berpasukan dibenarkan kali ini bertanding di Kuala Lumpur, ini adalah keputusan Badan Sukan Komanwel Antarabangsa. Kalau kita tengok sejarah Sukan Komanwel dahulu tidak memasuki banyak jenis sukan berpasukan kerana apa yang diadakan selama ini ialah untuk jenis sukan individu. Ini adalah kerana disebabkan oleh faktor-faktor sejarah, bukan semua negara Komanwel ini yang menganjurkan Sukan Komanwel berkemampuan untuk mengadakan satu sukan yang begitu besar, jadi sukan-sukan individu diutamakan dahulu. Sukan-sukan berpasukan itu perlahan-lahan kita nampak, bilangan sukan berpasukan yang akan dipertandingkan di Sukan Komanwel pada masa depan kelak akan ditambahkan, oleh kerana itulah kita tidak boleh berbuat apa-apa dan kita harap Badan Sukan Komanwel Antarabangsa akan membenarkan lebih jenis sukan berpasukan dipertandingkan di Sukan Komanwel yang akan datang.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apakah kerugian atau keuntungan yang dialami oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia dalam penganjuran Piala Dunia Remaja ini? Jika mengalami kerugian, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan supaya penganjuran sukan seperti Sukan Komanwel yang akan datang tidak mengalami keadaan seperti ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada detail berkenaan kerugian yang dialami oleh persatuan tetapi hingga ini saya diberitahu bahawa persatuan itu tidak mengalami kerugian yang besar ataupun langsung tidak ada kerugian. Keuntungannya ialah seperti saya sebutkan tadi dengan mengadakan satu kejohanan sukan peringkat antarabangsa atau peringkat dunia telah memberikan nama yang baik kepada negara kita ini. Jadi, telah menunjukkan bahawa negara kita ini berkemampuan untuk mengadakan ataupun menganjurkan kejohanan ataupun satu sukan yang begitu besar. Ini telah memberi nama baik kepada negara kita supaya kita dapat mengadakan Sukan Komanwel dengan berjayanya.

INDAH WATER KONSORTIUM - KERJA-KERJA MENGOREK KOLAM

9. Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa pekerja-pekerja Indah Water Konsortium (IWK) mengorek kolam-kolam di mana-mana tempat di taman-taman

perumahan untuk dijadikan tempat pembuangan sisa-sisa najis dari tangki najis. Enap cemar yang dibuang akan mencemarkan air di bawah tanah dan juga mengancam kebersihan alam sekitar. Adakah mereka dinasihat atau diarah berbuat demikian. Jika tidak, apakah tindakan telah dan akan diambil terhadap IWK.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengorek atau menggali lubang tanah untuk pelupusan enap cemar merupakan langkah sementara IWK untuk melupus enap cemar daripada tangki septik, walau bagaimanapun, kerja-kerja ini dilakukan dengan berhati-hati supaya tidak mencemarkan keadaan sekeliling. Enap cemar daripada tangki septik mengandungi bakteria dan juga bahan organik. Di dalam keadaan biasa, bakteria berkenaan akan disaring oleh lapisan tanah untuk sesuatu jarak tertentu dan organik berkenaan akan mengalami proses peluluhan. Proses ini tidak akan membahayakan atau mencemarkan lapisan tanah.

Keadaan mengkehendaki IWK untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu ke atas pemilihan tempat pelupusan enap cemar sama ada sementara atau kekal, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan dan juga Jabatan Alam Sekitar akan memastikan IWK sentiasa mematuhi undang-undang sedia ada dan tindakan akan diambil ke atas syarikat berkenaan jika berlaku sebarang pelanggaran akta dan peraturan.

Tuan Yeong Chee Wah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, maksudnya kementerian pun bersetuju bagi IWK untuk mengorek kolam-kolam untuk mengisikan sisa-sisa najis tetapi di kawasan saya IWK hanya mengorek kolam-kolam dan buang sisa-sisa najis di tempat itu tanpa membuat apa-apa - expose to the air akan mencemarkan alam sekitar dan sebagainya. Saya ingin tahu apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah ini bagi mengelakkan IWK berbuat demikian. Dan juga jikalau pekerja-pekerja IWK membuat tindakan ini seterusnya, saya ingin tahu apakah kementerian bercadang kepada pihak orang ramai untuk memberhentikan bayaran kepada mereka?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang saya jawab tadi sebelum sesuatu tapak dipilih sebagai tapak pelupusan secara sementara, syarat-syarat daripada Jabatan Alam Sekitar perlu

diikuti dahulu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya hendak senaraikan di sini syarat-syarat yang dikenakan daripada Jabatan Alam Sekitar terhadap tindakan IWK untuk mengorek sesuatu lubang:

- (i) tapak berkenaan hendaklah berada di atas paras banjir sesuatu kawasan dan ia tidak mudah ditakung apabila hujan lebat atau semasa musim tengkujuh;
- (ii) tapak yang dipilih seboleh-bolehnya berkeadaan datar;
- (iii) jarak tapak daripada sempadan kediaman hendaklah lebih daripada 200 meter;
- (iv) tapak berkenaan hendaklah dipagar dan dijadikan tempat larangan, keluar masuk orang awam; dan
- (v) perjalanan lori tangki boleh dilakukan dengan selamat dan mengurangkan kacau ganggu kepada orang awam.

Jikalau kejadian di Batu Gajah itu atau di kawasan Yang Berhormat dari Batu Gajah tidak mengikuti syarat-syarat ini, kita akan siasat sama ada IWK sudah melanggar sesuatu syarat yang saya baca tadi.

Tuan Chang See Ten: Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang amalan IWK yang membuang enap cemar atau sludge yang disedut daripada tangki-tangki najis ke dalam 'oxidation pond' yang sedia ada di taman-taman perumahan, yang mana ia telah menjejaskan biological digestion, dengan izin, oleh kuman 'anaerobic' dan 'aerobic' dan menyebabkan bau, dan sudah jadi satu gangguan kepada penduduk-penduduk di taman perumahan. Ini adalah satu amalan yang kurang baik yang sudah menunjukkan bahawa IWK belum siap sedia untuk menjaga kebersihan kualiti air kita. Kerana dengan membuang enap cemar ke oxidation pond yang sedia ada sudah menjadikan sludge itu overload dan kemungkinan besar kualiti effluent daripada oxidation pond itu memang tidak akan dapat mengikuti kehendak WHO.

Oleh yang demikian, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, harapankah ataupun soalan?

Tuan Chang See Ten: Saya ingin soalkan sama ada bilakah IWK akan mengadakan cukup tempat pembersihan atau loji pembersihan enap cemar di seluruh negara, bukan pada masa sekarang cuma ada sebuah di kawasan Wilayah Persekutuan sahaja.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya tidak ada angka berapa loji yang baru sedang dan akan dibina di masa akan datang. Tetapi saya boleh sebutkan di sini pihak IWK telah diarahkan untuk tidak meng'overload'kan, tidak terlalu banyak enapcemar ini dimasukkan ke oxidation pond yang sedia ada. Kalau terlalu banyak, ini akan menyebabkan oxidation pond itu tidak boleh berfungsi dengan baik atau diurus dengan baik. Saya memang setuju dengan Yang Berhormat tadi, pihak IWK perlu mengadakan atau membina loji untuk merawat enapcemar atau merawat semua najis daripada sekitar kawasan yang dikendalikan oleh mereka dalam masa yang secepat mungkin. Pihak Jabatan Pembetungan sudah mengarahkan pihak IWK untuk membuatkan program yang lebih ketat lagi supaya masalah ini boleh diselesaikan di masa akan datang.

**JAMBATAN MENGHUBUNGKAN
SEMENANJUNG MALAYSIA DAN
SUMATERA - CADANGAN MEMBINA DAN
SUMBER PEMBIAYAAN**

10. **Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah cadangan jambatan yang akan menghubungkan Semenanjung Malaysia dan Sumatera di Indonesia dijangka bermula. Berapakah anggaran perbelanjaannya dan nyatakan sumber pembiayaan kelak.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, soal bila dan berapa anggaran perbelanjaan pembinaan jambatan yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sumatera hanya dapat diketahui setelah satu kajian kemungkinan yang lengkap dilaksanakan.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kajian sedang dijalankan. Soalan saya apakah rasional untuk menyebabkan jambatan ini akan dibina. Adakah ianya telah secara rasmi diluluskan oleh pihak kerajaan Malaysia secara bersendirian ataupun di dalam konteks hubungan peringkat ASEAN?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, memang kita jangkakan bahawa jambatan ini mampu membawa faedah kepada kedua-dua kawasan. Pertama sekali meningkatkan pelancongan bukan sahaja antara Malaysia dan Indonesia, bahkan di kalangan negara ASEAN termasuk Singapura, di selatan dan Thailand di sebelah utara. Kedua, juga kita jangka akan dapat

pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat serta pendapatan yang lebih tinggi kepada penduduk-penduduk kedua kawasan. Ketiga, hubungan ini juga memberi potensi kepada peningkatan kerjasama ekonomi yang lebih rapat antara Malaysia dan Indonesia, amnya di bawah payung pembangunan Segi Tiga Utara (Northern Growth Triangle). Misalnya, Malaysia yang banyak pengalaman dalam industri ladang boleh berkongsi pengalaman dalam bidang ini, memandangkan Sumatera mempunyai tanah yang luas. Jadi, semua ini akan dimasukkan dalam kajian yang akan dibuat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya terkejut juga hasrat DAP ada minat hendak pergi ke Sumatera.

Tuan Lim Guan Eng: Ini dibina di Melaka.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terasa juga ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bukan saya menuduh apa-apa. Saya puji bahawa DAP ini prihatin kepada pembangunan negara, seperti Barisan Nasional. Saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Tadi kita dengar banyak manfaat akan kita hadapi sama ada di Malaysia ataupun di jiran tetangga kita di Indonesia. Tetapi saya hendak bertanya sama ada kerajaan telah memutuskan dari segi pelaksanaan jambatan ini sama ada dilaksanakan di bawah peruntukan kerajaan atau kerajaan bercadang juga untuk melaksanakan melalui konsep di bawah dasar penswastaaan?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, ini belum diputuskan, ini semua akan diputuskan selepas kajian kemungkinan lengkap dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tuan Tiong Thai King.

[Soalan No. 11 - Y.B. Tuan Tiong Thai King [Lanang] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob.

[Soalan No. 12 - Y.B. Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau.

[Soalan No. 13 - Y.B. Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara) tidak hadir]

JENAYAH INCES KE ATAS BUDAK KECIL PEREMPUAN - KAJIAN MENAMBAH HUKUMAN

14. **Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kajian ke atas menambahkan hukuman, termasuk hukuman gantung mati, ke atas penjenayah kesalahan amalan inces ke atas budak-budak kecil.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi kes-kes, dengan izin, inces ke atas budak-budak kecil perempuan, seorang pesalah boleh dihukum di bawah Seksyen 376, Kanun Keseksaan yang memperuntukan hukuman penjara tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada 20 tahun, dan juga boleh dikenakan hukuman sebat sehingga 24 kali.

Mengenai cadangan untuk mengenakan hukuman mati bagi kesalahan ini, satu kajian teliti perlu dibuat bagi mengkaji dari semua aspek kesan dan implikasinya dari segi memperoleh keterangan dan pendakwaan, kerana kes inces melibatkan mangsa dan pesalah yang mempunyai hubungan darah yang rapat dan dalam keadaan yang demikian, berkemungkinan jika hukuman mati diperkenalkan, mangsa tidak mahu memberi kerjasama yang sepenuhnya sama ada semasa siasatan dijalankan atau juga semasa memberi keterangan di mahkamah.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kalau hukuman gantung mati dikenakan, kemungkinan besar bahawa mangsa-mangsa enggan tampil ke hadapan. Kalau begitu, memandangkan juga kerana ini adalah satu kesalahan yang dianggap sangat berat dan juga sangat terhina sekali dalam masyarakat kita, adakah pihak kerajaan bercadang sekurang-kurangnya kalau tidak ada hukuman gantung mati, tetapi sekurang-kurangnya untuk menambahkan hukuman ke atas kesalahan-kesalahan seperti ini, iaitu kalau boleh mengkategorikan satu kesalahan khas ke atas kesalahan-kesalahan budak-budak di bawah umur 12 supaya dapat mencerminkan perasaan prihatin dan juga perasaan marah oleh masyarakat kita terhadap kesalahan-kesalahan seperti ini, bak kata pepatah "haruan makan anak."

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memang perbuatan inces ini satu perbuatan yang bukan sahaja yang kita tidak suka, yang dikeji, dan perbuatan yang memang kita tidak boleh terima. Jadi, setakat ini kerajaan

merasakan bahawa hukuman penjara yang tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada 20 itu, satu hukuman yang berat dan juga kita mengenakan sebatan maksimum sebanyak 24 kali. Jadi, saya kira ini satu hukuman yang berat dan kita minta kepada mahkamah supaya tidak berkompromi dalam soal tidak menurunkan hukuman terhadap mereka yang terlibat dalam kes ini.

RUMAH KOS RENDAH - USAHA MEMASTIKAN RUMAH INI TIDAK DIBELI OLEH PIHAK YANG TIDAK BERHAK

15. **Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman [Parit Buntar]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dalam usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk membekalkan rumah kos rendah kepada rakyat yang kurang mampu, satu sistem berkesan dan tegas diadakan bagi memastikan rumah-rumah berkenaan tidak dibeli oleh orang-orang yang tidak berhak yang bertujuan semata-mata untuk mengaut keuntungan, iaitu menjualnya kepada pihak ketiga.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya prihatin dalam usaha membekalkan rumah kos rendah kepada rakyat yang kurang mampu. Di samping itu, bagi memastikan rumah-rumah berkenaan tidak dibeli oleh orang yang tidak berhak, kerajaan di bawah RMK7 telah melaksanakan sistem pendaftaran terbuka. Sistem pendaftaran terbuka ini bertujuan;

- (i) menyediakan senarai menunggu pembeli yang layak untuk membeli rumah kos rendah kerajaan dan swasta;
- (ii) menyeragamkan kriteria, menyediakan senarai pendek dan pemilihan pembeli untuk diguna di semua negeri mengikut dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan;
- (iii) memastikan tidak berlaku penyelewengan pemilihan pembeli rumah kos rendah;
- (iv) menentukan golongan yang disasar sahaja mendapat kemudahan memiliki rumah kos rendah dan tiada pembeli yang boleh memiliki lebih dari satu unit rumah; dan
- (v) mengurangkan penggunaan budi bicara dan keraguan dalam pemilihan pembeli yang layak dan berjaya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita difahamkan bahawa kerajaan telah mewujudkan tabung untuk

menyelesaikan masalah rumah kos rendah ini. Akhir-akhir ini dalam akhbar kadang-kadang pihak kerajaan sendiri mengatakan bahawa harga RM25,000 itu telah tidak dapat dipertahankan dan mungkin akan dinaikkan. Adakah kerajaan boleh menerima cadangan supaya tabung yang diwujudkan ini dapat menampung ataupun menjadikan sebagai subsidi kepada peningkatan kos rumah supaya kerajaan dapat mempertahankan harga rumah kos rendah kekal di paras RM25,000. Kerana kita dapati rata-rata di bandar besar ini ramai lagi rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana tidak mampu memiliki rumah kos rendah disebabkan kos agak meningkat?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Yan itu ialah di dalam pertimbangan, belum lagi diambil keputusan untuk dinaikkan RM25,000 sebagai tahap rumah kos rendah.

Keduanya, kerajaan sedang memikirkan untuk mewujudkan tabung satu syarikat perumahan negara yang mana kewangannya akan disokong oleh Petronas untuk membantu mereka yang kurang berkeupayaan untuk mendapat rumah kos rendah.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan setiap rakyat yang tidak mampu ini benar-benar dapat membeli rumah kos rendah ini dan untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan untuk membayar wang pendahuluan, adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan satu dasar konsep sewa beli untuk pembeli-pembeli rumah kos rendah ini supaya mereka ini tidak dibebankan dengan bayaran pendahuluan. Jadi, dengan adanya sewa beli ini lama kelamaan rumah ini mungkin mereka akan dapat perolehi.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang sebentar tadi, bagi sektor kerajaan memang diberikan pertimbangan untuk membeli rumah kos rendah mengikut apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi di sektor swasta belum lagi dan kita merasakan bahawa mana-mana juga cadangan yang membolehkan mereka daripada golongan yang kurang berkeupayaan untuk mendapatkan rumah, kita akan pertimbangkan secara positif.

**PINJAMAN KREDIT PERTANIAN
DARI BPM - JUMLAH PETANI BELURAN
YANG BERJAYA MENDAPATKANNYA**

16. **Tuan Asmat Nungka [Beluran]** minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah pinjaman Kredit Pertanian yang disediakan oleh Bank

Pertanian Malaysia (BPM) berjaya dinikmati oleh para petani di daerah Beluran; adakah sistem perbankan konvensional menjadikan golongan petani kurang berupaya dari segi pinjaman berkenaan. Bolehkah sistem seumpama ini diperlonggarkan khusus kepada para petani/Melayu saradiri.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Pertanian Malaysia menyediakan perkhidmatan perbankan di daerah Beluran melalui operasi cawangannya di Sandakan. Sehingga kini, Bank Pertanian cawangan Sandakan telah meluluskan pinjaman berjumlah RM10.53 juta kepada peminjam-peminjam di daerah tersebut yang melibatkan 45 orang petani dan 21 orang nelayan.

Pada masa ini, pihak bank tidak dapat menentukan sama ada sistem perbankan konvensional menjadikan golongan petani kurang berupaya memperoleh pinjaman berkenaan, kerana persoalan ini memerlukan satu kajian yang khusus.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pinjaman yang diberikan kepada pengusaha projek-projek pertanian adalah berlandaskan kepada keupayaan dan kewibawaan pemohon serta daya maju projek. Fakta-fakta ini akan menentukan kejayaan projek dan ianya tidak akan menjejaskan serta menjadikan peminjam kurang berupaya.

Cadangan agar syarat pinjaman dilonggarkan khususnya kepada para petani Melayu saradiri perlu dikaji dengan teliti kerana ianya mungkin melibatkan implikasi-implikasi serta dasar-dasar tertentu.

Tuan Md. Isa bin Sabu: : Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri ada menyebut angka kredit pertanian untuk daerah Beluran sahaja. Jadi, sukacita sekiranya Yang Berhormat dapat menjelaskan kepada Dewan ini bagaimanakah respond golongan petani terhadap rancangan ini keseluruhannya di seluruh negara?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa respond daripada petani-petani agak menggalakkan. Walau bagaimanapun, kebanyakan permohonan khususnya di Beluran ini ialah kira-kira 65% terdiri daripada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit, jadi, ia mempunyai cagar tanah. Cuma kira-kira 30% sahaja adalah dari golongan nelayan-nelayan.

Tetapi, walau bagaimanapun, secara keseluruhan di seluruh negara, saya memberi jaminan bahawa sambutan agak menggalakkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Mulut telah pun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 5, 11, 12, 13, 17 hingga 88 akan dijilid dalam buku berasingan]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA
KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG PEMBAHAGIAN
(PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pembahagian 1958 dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
TAMBAHAN (1997) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua

3.36 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk Maksud-maksud yang tertentu bagi tahun yang tersebut itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM246,195,800 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1997 adalah berjumlah RM246,195,800. Jumlah ini diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM167.1 juta di bawah Maksud B.47 - Kementerian Pengangkutan untuk perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM150.8 juta untuk membantu Perbadanan Aset Keretapi (Railway Asset Corporation) menjelaskan pinjaman Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan kepada Keretapi Tanah Melayu (KTM) sebelum KTM diperbadankan pada 1 Ogos 1992;
- (ii) sebanyak RM16.3 juta untuk menjelaskan bayaran tunggakan kos penyelenggaraan 55 lintasan rata awam kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) bagi tempoh hingga 31 Disember 1995.

Tambahan sebanyak RM30 juta di bawah Maksud B.30 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk memberi pinjaman kepada Multimedia Development Corporation (MDC) bagi memulakan projek Multimedia Super Corridor (MSC).

Tambahan sebanyak RM30 juta di bawah Maksud B.32 - Jabatan Hasil Dalam Negeri bagi pemberian endowment fund kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk Tabung Pinjaman Kenderaan dan Komputer dan untuk tujuan pelaburan.

Tambahan sebanyak RM10.6 juta di bawah Maksud B.22 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membiayai bayaran akhir penjanaan Pasukan Lumba Kereta Formula One.

Tambahan sebanyak RM5 juta di bawah Maksud B.42 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk membiayai program-program yang melibatkan peningkatan keupayaan dan penyertaan wanita dalam pembangunan.

Tambahan sebanyak RM3.5 juta di bawah Maksud B.14 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melaksanakan kerja-kerja kecantikan bandar bagi 6 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sempena Sukan Komanwel 1998.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 1997 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan seperti Kertas Perintah 5 Tahun 1997 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5A Tahun 1997.

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1997.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1997 adalah berjumlah RM514,454,410. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM154,511,050 adalah perbelanjaan cara langsung dan sebanyak RM359,943,360 adalah perbelanjaan pinjaman.

Tambahan-tambahan bagi membiayai projek-projek pembangunan mengikut Kementerian-kementerian dan jabatan adalah seperti berikut:-

Tambahan sebanyak RM510.8 juta di bawah Maksud P.47 - Kementerian Pengangkutan bagi membiayai perbelanjaan berikut:-

- (i) sebanyak RM356.3 juta sebagai pinjaman untuk pelaksanaan projek Sistem Rel Transit Ringan (LRT) di bawah Projek LRT Sistem 1 Fasa 2 dan Projek LRT Sistem 2;
- (ii) sebanyak RM75.3 juta untuk menjelaskan tuntutan bayaran kemajuan projek bagi meningkatkan kemudahan di Lapangan Terbang Labuan Sabah;
- (iii) sebanyak RM43.9 juta untuk menjelaskan bayaran akhir kos pengambilan tanah bagi Projek Pelabuhan Tanjung Pelepas;
- (iv) sebanyak RM18.6 juta untuk menjelaskan bayaran pampasan tanah bagi Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Sepang; dan
- (v) sebanyak RM16.7 juta untuk membiayai bayaran kemajuan Projek Pemindahan Woksyop Pelancar Kapal di Labuan.

Tambahan sebanyak RM3.6 juta di bawah Maksud P.22 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sebagai pinjaman untuk membiayai Projek Bekalan Air Pulau Redang Terengganu.

Tambahan yang lain merupakan peruntukan tender RM40 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7 - Jabatan Perdana Menteri, P.19 - Kementerian Pertanian, P.40 - Jabatan Penjara dan P.52 - Kementerian Kerja Raya.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1997 adalah seperti yang dinyatakan dalam Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1997 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6A Tahun 1997.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1997 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.1) 1997

3.42 ptg.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturcara Urusan Mesyuarat yang berbunyi:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima ratus empat belas juta, empat ratus lima puluh empat ribu, empat ratus sepuluh (RM514,454,410) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima ratus empat belas juta, empat ratus lima puluh empat ribu, empat ratus sepuluh (RM514,454,410) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1997 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut.”

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1997 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang. Dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Tanjung.

3.44 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kini meminta kelulusan untuk mendapat Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan untuk tahun 1997 yang berjumlah RM246 juta dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan yang berjumlah RM514 juta, jumlah besarnya RM760 juta.

Harus diperhatikan bahawa antara sembilan kementerian yang meminta kelulusan untuk perbekalan tambahan ini, lima dari mereka memiliki jabatan-jabatan yang termasuk dalam senarai sepuluh jabatan-jabatan kerajaan paling berkecenderungan rasuah, Badan Pencegah Rasuah.

Baru-baru ini, *The New Straits Times* menerbitkan satu laporan eksklusif mengenai senarai 'Top Ten BPR' iaitu agensi-agensi kerajaan yang disiasat kerana mengamalkan rasuah berdasarkan satu penyiasatan yang dilakukan di antara 1990-1994. Dari 3,558 kes yang disiasat dalam tempoh lima tahun ini, BPR mendapati bahawa polis mencatatkan jumlah kes rasuah yang paling tinggi iaitu 918, diikuti oleh pihak berkuasa tempatan termasuk majlis-majlis daerah dan bandar 446, pejabat-pejabat tanah 367, Kementerian/Jabatan Pendidikan 226 serta Jabatan Pengangkutan Jalan 196. Lain-lain yang termasuk dalam senarai ini adalah Jabatan Kerja Raya 189, Jabatan Kastam dan Eksais 135, Jabatan Perhutanan 125, Kementerian Pertahanan/Ketenteraan 115 dan Kementerian/Jabatan Kesihatan 102.

Saya percaya bahawa laporan yang dikemukakan kepada BPR hanya sebahagian kecil daripada yang sebenarnya dari jumlah besar kes-kes rasuah di negara ini dalam lima tahun yang berkenaan, khas atas dua sebab: pertama sekali, kekurangan keyakinan orang ramai terhadap BPR sebagai badan yang bebas dan berupaya untuk mengendalikannya rasuah yang melibatkan mereka yang berpengaruh yang memegang jawatan tinggi di kerajaan ataupun parti-parti politik; dan keduanya, kekurangan budaya integriti yang kuat di dalam perkhidmatan awam yang bertoleransi sifar terhadap rasuah.

Menteri-menteri dan ketua-ketua agensi "Top Ten" yang dikenalpasti oleh BPR sebagai paling korup harus memandang senarai ini sebagai cabaran peribadi terhadap integriti mereka dan harus melancarkan kempen dalaman untuk menghapuskan stigma sosial sebegini dan kempen sebegini mestilah dilakukan secara terbuka dan bukannya secara rahsia.

Sebenarnya setiap orang menteri harus mengemukakan satu kenyataan tahunan kepada Parlimen untuk melaporkan jenis kepimpinan yang dibekalkannya dan tindakan-tindakan proaktif yang diambil oleh kementeriannya untuk memastikan bahawa semua jabatan dan agensi di bawah kementeriannya mencapai imej berintegriti serta tidak korup (incorruptible).

Isu rasuah telah menjadi isu utama di agenda kebangsaan baru-baru ini hasil dari perang segenap penjuru yang dilancarkan oleh Pemangku Perdana Menteri, atas arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adalah diharapkan oleh rakyat Malaysia bahawa pucuk pimpinan politik tertinggi benar-benar jujur dalam usaha memerangi rasuah kali ini, dan sebagaimana yang dikatakan oleh Y.A.B Pemangku Perdana Menteri di Sabah baru-baru ini, dengan izin, "now is the time to act...we will catch the big ones and we will catch the small ones" kerana sampai sekarang belum lagi ditangkap ikan jerung, ikan yu, hanya 'middling ones' sahaja yang kelihatan.

Rakyat Malaysia tidak mahu melihat perang segenap penjuru menentang rasuah ini hambar dan gagal seperti kempen-kempen anti rasuah yang lain, sama ada yang berlaku di Malaysia, misalnya kempen kerajaan 'Bersih, Cekap dan Amanah' yang dilancarkan di tahun 1981 kerana sekiranya ia tidak gagal pada masa itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak akan terdesak menitikkan air matanya apabila beliau memberi amaran bahawa rasuah dan politik wang akan membawa kepada keruntuhan negara dalam Perhimpunan Agung UMNO bulan Oktober tahun lalu dan perkara yang sama juga berlaku di banyak negara lain.

Biarlah kita mengakui bahawa di seluruh negara masih wujudnya rasa curiga (scepticism) terhadap kepimpinan politik negara ini sama ada mereka memiliki semangat serta komitmen politik yang cukup kuat untuk mengekalkan perang segenap penjuru menentang rasuah untuk mewujudkan satu budaya integriti baru di kehidupan politik serta perkhidmatan awam negara ini yang bertoleransi sifar terhadap rasuah, ataupun sama ada usaha kali ini masih merupakan, dengan izin, thunder without rain.

Bagaimana pun, saya mesti mengakui bahawa saya terperangsang oleh anekdot yang diceritakan oleh Menteri Pendidikan, di pembukaan Persidangan Konsensus Memerangi Rasuah, Sabtu lalu untuk menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang berkomited untuk menentang gejala rasuah bahawa nasihat dan amaran telah diberi, air mata telah dititis, tak ada

pilihan lain kecuali mengambil tindakan terhadap mereka yang korup.

Sekiranya Malaysia hendak mencipta sejarah dengan membina budaya baru berintegriti dalam kehidupan politik serta perkhidmatan awam yang bertoleransi sifar terhadap rasuah, maka faktor kritikal kedua untuk memastikan kejayaan perang menentang rasuah segenap penjuru adalah dengan mendapat sokongan orang ramai yang sepenuhnya serta melibatkan masyarakat madani dan sektor-sektor swasta ke dalam proses pembaharuan anti-rasuah ini.

Sehubungan itu, satu permulaan yang baik ke arah melibatkan kesemua sektor masyarakat Malaysia ke dalam perang segenap penjuru menentang rasuah ini adalah penganjuran "Meja Bulat Menentang Rasuah - Pengumpulan Pendapat" pada 13 Julai serta Persidangan "Konsensus Menentang Rasuah" pada 19 Julai.

Meja Bulat Menentang Rasuah merupakan satu perhimpunan rakyat Malaysia yang paling istimewa yang prihatin mengenai gejala rasuah dan integriti awam Malaysia untuk beberapa dekad ini, antaranya termasuklah Tan Sri Ahmad Nordin, tidak ragu-ragu lagi seorang Ketua Audit Negara yang paling terkenal dalam sejarah Malaysia; Tan Sri Harun Hashim, Ketua Pengarah BPR pertama semasa badan ini ditubuhkan 30 tahun yang lepas dan semasa reputasi serta keyakinan orang ramai terhadap BPR masih berada pada tahap yang paling tinggi; Dr. Syed Hussein Al Attas, orang berkewibawaan dalam isu rasuah yang terkenal di seluruh dunia; Dr. Chandra Muzafar, Pengarah Just World Trust, seorang yang berkempen dan merupakan pembentuk pendapat awam menentang rasuah yang terkemuka; Tan Sri Samad Ismail, wartawan veteran; Tunku Abdul Aziz, Konvenor Transparency International Malaysia; Datuk Param Cumaraswamy, Pelapor Badan Bangsa-Bangsa Bersatu Khas mengenai Kebebasan Kehakiman; Dr. Jomo K.S; ekonomis Malaysia yang cemerlang; Gurmit Singh, ahli alam sekitar serta Setiausaha Agong HAKAM; Prof. Hamdan Adnan, Presiden FOMCA; serta Yang Berhormat dari Parit Sulong dan merangkap Pengerusi Kelab BBC.

Meja Bulat Menentang Rasuah - Pengumpulan Pendapat yang juga dihadiri oleh para wakil daripada badan-badan bukan kerajaan, telah mencapai Konsensus Sepuluh Perkara seperti berikut:

- (i) para Ahli Parlimen dan ADUN mengisytiharkan aset dan liabiliti mereka secara terbuka dan berkala;
- (ii) pindaan undang-undang untuk membolehkan perampasan kekayaan yang diperolehi melalui amalan rasuah;

- (iii) pindaan undang-undang untuk mengadakan 'statutory presumption' bahawa seseorang pegawai awam yang memiliki kekayaan luar biasa ataupun hidup seseorang pegawai yang dalam gaya kehidupan yang tidak setara dengan sumber pendapatannya akan dianggap sebagai melakukan kesalahan rasuah melainkan beliau dapat membekalkan penjelasan yang sewajarnya;
- (iv) lebih ketulusan dalam hal-hal pembiayaan (funding) parti-parti politik;
- (v) menyusun semula Badan Pencegah Rasuah supaya dijadikan sebuah badan berautonomi dan bebas dari kawalan pihak pentadbir serta menjawab terus terhadap Parlimen;
- (vi) memulihkan Badan Kehakiman yang bebas dan tidak berat sebelah;
- (vii) perlukan pihak media yang bebas dan bersifat menyiasat;
- (viii) keseluruhan jentera kerajaan serta proses penswastaaan harus wujud lebih ketulusan dan akauntabiliti;
- (ix) meminda atau menghapuskan undang-undang yang menyekat suasana terbuka, akauntabel, keadilan dan kesaksamaan seperti Akta Rahsia Rasmi, Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan serta menggubal Akta Kebebasan Maklumat;
- (x) mencipta budaya integriti baru dalam kehidupan politik, pentadbiran dan perkhidmatan awam yang bertoleransi sifar terhadap rasuah menerusi penanaman nilai-nilai moral dan etika di tahap keluarga, sekolah serta agama.

Yang Berhormat dari Parit Sulong serta BBC harus dipuji kerana mengambil inisiatif menganjurkan Persidangan Konsensus Menentang Rasuah bersejarah bersama-sama dengan Institut Kajian Dasar (IKD), Asian Strategic and Leadership Institute (ASLI), serta Centre for Leadership and Development Studies (CELDES) dengan mengumpulkan bersama parti-parti politik, agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, kesatuan-kesatuan pekerja, pergerakan pengguna serta NGO.

Persidangan Konsensus Menentang Rasuah ini mengeluarkan Deklarasi 16 Perkara dan saya ingin menarik perhatian semua ke satu, dua perkara yang dibangkitkan iaitu penubuhan sebuah Majlis Anti Rasuah Negara yang bertanggungjawab mengesan, mengkaji serta menganalisa amalan rasuah, kesan

dan implikasinya terhadap sosio-ekonomi, politik dan keselamatan negara dan yang mempunyai cawangan-cawangan di peringkat negeri dan daerah, serta penubuhan sebuah jawatankuasa penilai peringkat tertinggi, yang bertanggungjawab terus kepada Parlimen untuk mengkaji semula semua kes rasuah yang telah disiasat oleh BPR dan diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara tetapi kes berkenaan tidak dibawa ke mahkamah di mana Peguam Negara dilantik sebagai Ex-Officio dan keahliannya harus terdiri daripada rakyat jelata yang berwibawa tinggi. Saya sokong dengan sepenuhnya dua cadangan ini yang perlu statutory action, yang perlu tindakan-tindakan perundangan dan saya harap bahawa tindakan-tindakan perundangan akan diperkenalkan secara segera memandangkan keperluan untuk dilaksanakannya dengan segera.

Kita harus juga perhatikan bahawa sementara seluruh negara sedang dimobilisasikan, dikerahkan untuk menyokong dan menyertai perang segenap penjurua menentang rasuah ini, wujud pula pegawai-pegawai penting di negara ini yang mengambil sikap tidak serius terhadap kempen ini.

Ketidakhadiran Peguam Negara di Persidangan Konsensus Menentang Rasuah di mana beliau dijangka menjadi salah seorang panelist dalam panel "Penghapusan Rasuah - Jalan di Hadapan" bersama-sama dengan Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahya; serta Tony Kwok Man-wai, Timbalan Komisioner, ICAC Hong Kong, telah membangkitkan pertanyaan sama ada Ketua Pegawai Undang-undang kerajaan ialah Peguam Negara kita menentang usaha memerangi rasuah yang sedang berlangsung ini.

Adalah sesuatu yang sungguh memeranjatkan bahawa Peguam Negara kita berlagak sebegitu sombong sehingga tidak memberitahu penganjur sama ada beliau menerima jemputan untuk berucap dan sama ada akan menghantar seorang wakil dari Kamar Peguam Negara sekiranya beliau tidak dapat hadir sendiri dan menyebabkan persidangan berkenaan terpaksa ditangguhkan lima belas minit untuk menunggu kehadiran beliau yang pada akhirnya terpaksa juga memulakan panel berkenaan tanpa Peguam Negara.

Perang ke atas rasuah sebenarnya berhubungkait dengan soal ketuluan dan akauntabiliti di dalam kerajaan ialah antithesis kepada rasuah. Peguam Negara kini memaparkan satu teladan yang buruk dalam soal ketuluan dan akauntabiliti, dan beliau harus sedar bahawa sikap dan tindakan beliau ini akan terus merosakkan keyakinan orang ramai terhadap keadilan dan kemunasabahan pejabat beliau.

Kedaulatan Undang-undang mengkehendaki pendakwaan bagi pihak negara dilaksanakan secara adil dan munasabah sama ada memulakan ataupun keengganan untuk memulakan sesuatu prosiding mendakwa tidak harus dikuasai oleh pertimbangan khasnya pertimbangan politik yang tidak betul, tetapi harus mengambil kira kepentingan awam serta prinsip keadilan.

Sebenarnya, perang segenap penjurua menentang rasuah ini tidak akan berjaya melainkan kita memiliki bukan sahaja penyiasat yang bebas, malah pendakwaraya serta hakim yang melaksanakan tugas mereka secara berketulusan dan bebas.

Parlimen serta para Ahli Parlimen janganlah menjadi bystander tetapi harus berada di pusat segala usaha atau 'centre' dalam perjuangan menentang rasuah di samping memastikan kita mencapai serta mengekalkan sistem pemerintahan yang baik (good government).

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sebenarnya dalam Pilihanraya Kecil Teluk Intan pada 17 Mei, satu suara rakyat Teluk Intan ialah untuk menyampaikan kepada Dewan yang mulia ini bahawa hasrat mereka mahu satu perang matimatan terhadap rasuah iaitu terkandung di dalam Teluk Intan Twenty Points. Mereka mahu satu iklim menentang rasuah di mana rasuah diisytiharkan sebagai musuh number one dalam negara ini bahawa kita mahu zero - bukan sahaja zero inflation tetapi zero corruption - itulah suara pengundi-pengundi Teluk Intan di mana Yang Berhormat dari Teluk Intan ada datang untuk menyampaikan suara Twenty Points Teluk Intan, antaranya.

Parlimen boleh mencapai matlamat ini, ialah menjadi satu centre dalam perjuangan terhadap rasuah, secara kolektifnya membentuk satu Jawatankuasa Bersama Semua Parti Menentang Rasuah bukan sahaja bertindak sebagai watchdog rakyat untuk menentang rasuah, tetapi juga untuk mengambil inisiatif memulakan pemeriksaan yang komprehensif ke atas sistem integriti negara ini.

Malaysia memiliki satu senarai panjang bekas Ketua Pengarah BPR sejak penubuhannya pada tahun 1967 dan Jawatankuasa Parlimen Menentang Rasuah ini harus mengadakan pembicaraan terbuka untuk setiap orang bekas Ketua Pengarah BPR ini untuk belajar dari pengalaman serta wawasan mereka, insight mereka mengenai cara membentuk strategi yang berkesan untuk memerangi rasuah.

Dalam fikiran saya, berjaya ataupun gagalnya perang segenap penjuru memerangi rasuah ini akan bergantung ke atas tiga faktor:

- (i) Kebolehan BPR untuk membuktikan kebebasannya serta menangkap ikan jerung selain dari menangkap ikan bilis, kerana sampai sekarang kita masih belum lihat mana-mana ikan jerung yang ditangkap. Bukan tanpa sebabnya badan anti rasuah Hong Kong yang dikenali sebagai Independent Commission Against Corruption (ICAC) yang menekankan perkataan 'Independent'nya. Kenapa tidak panggil Hong Kong Commission Against Corruption tetapi mustahak 'Independent Commission Against Corruption'. Masa sudah sampai bagi BPR menjadi IACA - Independent Anti Corruption Agency, bukan satu anti corruption agency yang tidak ada kebebasan, menekankan 'Independent'. Masa sudah sampai bagi BPR menjadi IACA yang berbunyi 'Independent Anti Corruption Agency' di mana semua perundangan yang berkenaan dipinda mengikut keperluan.
- (ii) Kesedaran kerajaan dan Parlimen untuk meluluskan undang-undang anti rasuah yang berat supaya memberikan lebih kuasa kepada BPR serta mempertingkatkan hukuman denda atas kesalahan rasuah, termasuklah perampasan kekayaan yang didapati melalui amalan rasuah untuk menghantar satu mesej yang jelas di dalam serta di luar negara bahawa Malaysia benar-benar berhasrat menghapuskan rasuah. Oleh sebab perang menentang rasuah sama seperti perang memperjuangkan akauntabiliti dan ketulusan, proses mengenakan pindaan ke atas Akta Pencegah Rasuah harus dilakukan secara terbuka dan berketulusan, di mana orang ramai diberi masa yang secukupnya untuk menyuarakan pandangan mereka sebelum Parlimen membahas dan menggubal sebarang pindaan ke atas undang-undang berkenaan. Memandangkan wujudnya banyak bantahan terhadap cadangan menambah provisi baru mengenai tuduhan palsu yang akan dihukum denda RM100,000 ataupun penjara 10 tahun atau kedua-dua sekali, kerajaan harus lebih sensitif terhadap perasaan rakyat dan menarik balik cadangan sebegini.
- (iii) Pembentukan satu gabungan (a coalition) kebangsaan untuk integriti kebangsaan melibatkan kerajaan, parti-parti politik,

media massa, profession, pertubuhan agama, sektor swasta dan NGO untuk mencipta budaya integriti kebangsaan yang bertoleransi sifar terhadap rasuah.

Dengan berjayanya dua inisiatif untuk mengumpul sokongan orang ramai dalam perang menentang rasuah, iaitu 'Meja Bulat Menentang Rasuah - Pengumpulan Pendapat' serta 'Persidangan Konsensus Menentang Rasuah', saya ingin mencadangkan inisiatif ketiga untuk mengumpul sokongan orang ramai dengan pembentukan satu Gabungan Kebangsaan (National Coalition) Menentang Rasuah yang terdiri dari parti-parti politik, NGO dan rakyat Malaysia yang prihatin supaya meneruskan momentum untuk perang segenap penjuru menentang rasuah demi mencapai budaya baru yang bertoleransi sifar terhadap rasuah.

Dua inisiatif Meja Bulat dan Persidangan Konsensus hanya menumpukan pada peringkat 'bercakap' demi merangsangkan kesedaran orang ramai, tetapi inisiatif baru menerusi Gabungan Kebangsaan Menentang Rasuah atau National Coalition Against Corruption (NCAC) ini harus menumpukan perhatian atas peringkat 'bertindak', iaitu bagaimana caranya membentuk dan melaksanakan rancangan bertindak yang melibatkan semua sektor masyarakat madani sebagai penyerta atau actors bersama dalam perang menentang rasuah ini.

Saya hendak mencadangkan di sini supaya Presiden BBC - yang tidak ada dalam Dewan yang mulia ini - sebagai salah seorang penganjur Persidangan Konsensus Memerangi Rasuah bergabung dengan penganjur Meja Bulat Pengumpulan Pendapat untuk mengadakan satu perjumpaan bagi penubuhan Gabungan Kebangsaan Menentang Rasuah sebagai tanda inisiatif mengumpulkan sokongan masyarakat madani terhadap perang segenap penjuru menentang rasuah sebelum Parlimen membahas pindaan baru ke atas Akta Pencegah Rasuah minggu depan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong.

4.07 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan membangkitkan beberapa perkara. Yang pertamanya, dengan secara ringkas mengenai pengumuman Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa punca penyakit ganjil di Sarawak sudah ditemui dan kenyataan akan dibuat besok. Yang kedua, mengenai keperluan untuk mengadakan

penguatkuasaan dan iltizam untuk menyelesaikan masalah overloading mengenai masalah pengangkutan di Malaysia. Dan yang ketiga, mengenai LRT dan KLIA.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya, walaupun saya mengalu-alukan pengumuman bahawa hampir lebih tiga bulan berlalu dengan penyakit ganjil di Sarawak, masalah ini mungkin sudah diselesaikan. Yang pertama, saya menekankan sekali lagi, kakitangan Kementerian Kesihatan dan juga hospital-hospital memang bekerja dengan baik, bertungkus-lumus, syabas kepada mereka. Tetapi apa masalah yang timbul ialah ketidakupayaan ataupun ketidakadaan peluang untuk mencari punca wabak walaupun sentiasa ditekankan ini Coxsackie A, Coxsackie B tetapi coxsackie di negara ini, itu satu penyakit biasa - penyakit mulut-kaki-tangan pun satu penyakit kadangkala kita temui. Cuma kita tidak tahu dan mungkin Kementerian Kesihatan ada angka-angka. Biasanya apakah insiden penyakit coxsackie - hand-foot-mouth disease di negara ini.

Adakah dengan langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kementerian, ibu bapa diseru supaya pergi ke hospital, dengan sedemikian insiden itu meningkat kerana ibu bapa membawa kanak-kanak ke hospital, sebelum ini tidak, jumpa doktor di klinik cukuplah, memang cukuplah, tidak ada komplikasi yang lain. Tetapi bolehkah Yang Berhormat menerangkan biasanya apakah insiden coxsackie di negara ini dengan manifestasi yang berlainan. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya menekankan sekali lagi bahawa satu kertas putih dibentangkan supaya kita bersama-sama dapat mengkaji, meneliti dengan terperinci apakah sebenarnya berlaku di Sarawak dengan penyakit ganjil itu. Tuan Yang di-Pertua, masalahnya pada pertama kali kita tahu penyakit ganjil ini sudah diketahui pada 14 April, tahun ini. Kita hendak tahu mengapa pihak kementerian tidak dapat mengenal pasti punca dan sumber penyakit itu dan kemudian membuat siasatan dan sekatan ke atas orang-orang yang ada kena-mengena dengan penyakit ini, contact tracing - dengan punca, dengan contact tracing dan kemudian satu quarantine dibuat, itu biasanya bagi penyakit yang merebak. Tetapi kerana penyakit di Sarawak ini bukan penyakit yang boleh merebak sebab kita tidak nampak apa quarantine pun iaitu orang daripada Sarawak dan orang daripada Semenanjung dan Sabah boleh pergi ke Sarawak dan keluar daripada Sarawak dengan begitu sahaja. Memang Yang

Berhormat mempunyai sebab-sebab yang tertentu, tidak mengenakan quarantine.

Walaupun bagaimanapun, masalah yang lain ialah kita ada UNIMAS, ada UM, ada IMR - Institut Penyelidikan Perubatan yang merupakan satu reference laboratory bagi World Health Organisation (WHO) yang mempunyai tahap teknologi makmal yang boleh diiktiraf oleh dunia. Dan juga kita ada USM dan universiti yang lain yang mempunyai makmal yang moden, terutamanya di IMR dan UM. Mengapa kita tidak dapat mengenal pasti penyakit ini? Adakah kerana tidak mempunyai alat kelengkapan yang lengkap seperti di IMR. Walaupun itu satu reference laboratory, makmal yang diiktiraf oleh dunia, tetapi mengapa ada setengah-setengah kelengkapan itu tidak cukup? Yang Berhormat kata, "Oh, kita ada serology. Serology ini kita mengenal pasti di dalam empat kes coxsackie. Yang mati itu 31, yang masuk ke wad itu beribu-ribu, tetapi kita dapat mengenal pasti empat kes sahaja. Sebab apa kita dapat mengenal pasti empat kes sahaja? Ini memang kita hendak tahu. Mungkin itu satu penyakit yang begitu ganjil yang kita tidak pernah ada kaedah untuk mengenal pasti, adakah ini benar? Itu memang kita hendak tahu.

Bagi saya, kelengkapan dan kepakaran di pusat-pusat kita memang cukup. Kalau cukup, mengapa di Universiti Malaya dalam masa kecemasan ini pada satu ketika makmal Universiti Malaya enggan menerima sampel-sampel, contoh-contoh daripada doktor kerana mereka dikatakan sibuk untuk mengenal pasti kes-kes daripada Sarawak dan contoh-contoh di sekitar tidak diambil. Bolehkah Yang Berhormat siasat sama ada ini benar ataupun tidak? Ini memang satu peristiwa yang ganjil juga. Makmal di Universiti Malaya tidak boleh terima sampel-sampel, mengapa tidak boleh terima? Oh, ada kecemasan daripada Sarawak.

Adakah benar bahawa makmal-makmal seperti di UM sebelum ini asyik membuat kajian, membuat persiapan untuk menghadapi penyakit seperti denggi itu penting kerana masalah denggi itu berterusan, kita mesti mengambil langkah yang tegas dan berkesan untuk mengatasi denggi. Tetapi di Malaysia ini bukan sahaja masalah denggi sahaja, masalah yang lain pun timbul. Kalau coxsackie yang menjadi ganas itu pun satu masalah juga dan penyakit yang lain juga, virus-virus yang lain, bakteria-bakteria yang lain pun ada. Sebab apa kita menumpukan hanya kepada satu penyakit sahaja - denggi, yang lain tidak payah? Bolehkah Yang Berhormat buat pengumuman sebab apa makmal

daripada Universiti Malaya tidak boleh melayan contoh-contoh daripada kawasan ini selain daripada Sarawak? Yang kedua, mengapa tidak boleh mengenal pasti contoh-contoh dan culture daripada kes-kes di Sarawak.

Pada mulanya, Tuan Yang di-Pertua, enterovirus ini memang boleh diculture dalam masa 24 jam ataupun 48 jam - itu cukup, tetapi masalahnya kita mesti ada anti sera, satu serum untuk mengenal pasti di makmal-makmal. Tetapi pada mulanya nampaknya tidak ada anti sera di UM, mengapa tidak ada di UM? Satu soalan yang pokok.

Satu makmal yang begitu besar yang canggih, tetapi tidak ada anti serum untuk virus-virus daripada kes-kes di Sarawak.

Begitu juga di IMR kerana mungkin tidak ada kelengkapan polimerase, method dan sebagainya dan dihantar kepada pusat CDC, di Atlanta, Amerika Syarikat. Kalau kita tidak ada cukup kelengkapan, jadi ini mesti diperbaiki. Sebab itu kita perlu ada satu kertas putih untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan ini dan juga langkah-langkah yang positif yang telah dan akan diambil untuk mengatasinya. Sebenarnya kita hendak menuju ke visi 2020, dengan Wawasan 2020 ini, kita mesti memastikan semua kaedah kesihatan untuk mencegah penyakit dapat dipertingkatkan cocok dengan hasrat kita menjadi negara yang maju di dalam tempoh 10-20 tahun nanti.

Sekarang kita memang ketinggalan zaman. Saya tidak tahulah apa sahaja yang lemahnya. Mungkin Yang Berhormat Menteri Kesihatan tidak beri nasihat yang cukup, mungkin. Mungkin kerana dia baru sahaja ambil alih - sudah dua tahun. Dua tahun bukan baru juga. Sebab kita hendak tahu macam mana. Beberapa tahun yang lepas ada satu jenis mee, loh see fun. Loh see fun ini pada mulanya pihak Kementerian Kesihatan mengumumkan bahawa acid boric yang menyebabkan kematian. Tetapi yang kita tahu iaitu alfa-toxin daripada kuman-kuman. Alfa-toxin, bukan daripada boric acid. Tetapi kerana Kementerian Kesihatan hendak menyembunyikan penemuan itu, kita tidak dapat maklumat, tidak ada kertas putih, orang itu mati sahajalah, kita tidak tahu. Boroc acid yang menyebabkan kematian, sebenarnya alfa-toxin. Ini masalahnya.

Masalah Coxsackie ini pun kita tidak tahu apa keadaan yang sebenar. Saya berharap esok kita akan tahu kenyataan dan hakikatnya. Jangan kita sembunyi seperti tahun19....

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Setiausaha Parlimen bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong. Saya agak keliru, di bawah kepala mana ini, B.14kah, B.22kah....

Seorang Ahli: Out of order!

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: B.30kah, B.32kah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun suka menjawab, oleh kerana saya jangka dia hendak buat soalan itu kerana hendak menyelamatkan Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga.

Seorang Ahli: You pandang Speakerlah!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini memang di dalam dasar kita boleh bincang, saya akan singkatkan. Saya pun tahulah masalahnya, kerana loh see fun pun jadi 'loh see' juga, tidak ada laporan yang lengkap hakikat dan kenyataan yang diberikan kepada rakyat, terutamanya Dewan Rakyat. Saya berharap kali ini kita boleh selesaikan masalah ini secara teratur, secara jujur dan ikhlas supaya kita sama-sama - saya pun tidak kata Yang Berhormat Menteri memang salah, bukan. Kita hendak tahu bukti dahulu, kerana seorang peguam pun memerlukan bukti, doktor pun memerlukan bukti. Kita hendak tahu apa yang sebenarnya berlaku.

Sebelum saya mengakhiri bahagian ini, saya hendak tahu mengapa pakar-pakar di Singapura, di Thailand, di Indonesia ataupun di Australia - sekarang di Australia sudah jadi masalah kerana buat tuduhan liar, mungkin juga. Tetapi perubatan kita tidak kiralah. Kerajaan Malaysia mestilah dapat penjelasan daripada Kerajaan Australia mengapa kertas putih, kertas rahsia itu apabila dibongkarkan dengan tidak sengaja menuduh negara-negara termasuk Malaysia. Kita mesti tahu mengapa pihak Australia buat sedemikian yang menganggap negara Malaysia seperti musuh, seolah-olah kita bukan satu negara yang boleh dijadi rakan untuk Australia. Mereka anggap kita sebagai musuh, itu tidak baik. Kita mesti dapat penjelasan yang lengkap daripada Australia.

Sebelum itu kita mesti dapat penjelasan yang lengkap juga daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, mengapa pakar-pakar di sekitar ini yang mempunyai geografi yang hampir sama dengan kita tidak diundang, seperti pakar daripada Singapura. Semasa ada masalah kematian kerana loh see fun itu, pakar daripada Singapura dijemput untuk buat siasatan sehingga selesai masalah. Kita hendak tahu daripada lima orang pakar daripada CDC Atlanta itu, adakah semua mempunyai pengalaman yang dapat membantu kita? Memang kita alu-alukan bantuan daripada negara-negara lain di dalam masalah cemas. Cuma saya hendak tahu, lima pakar daripada CDC ini, adakah pengalaman yang cukup untuk membantu Malaysia? Mungkin daripada Jepun, kerana rantau yang mungkin sama. Sebab saya tidak mahu pakar-pakar seperti daripada CDC memang lebih besar daripada pusat-pusat kita, lebih canggih daripada pusat-pusat kita, tetapi rantau, geografi mereka tidak serupa. Mungkin dia hantar orang yang kurang pengalaman untuk mencari pengalaman di Malaysia, adakah ini berlaku, kita hendak tahu. Mungkin kalau pakar daripada Thailand, Singapura atau Indonesia, mungkin mereka banyak pengalaman dan dapat membantu kita dengan lebih. Australia pun walaupun buat white paper tidak secocok sebagai seorang kawan, tetapi doktor-doktor mereka ada pengalaman di Papua New Guinea dan di South Pacific, ada kawasan yang iklim dan geografinya hampir sama dengan kita, mungkin mereka boleh beri bantuan dengan lebih berkesan. Tetapi saya hendak tunggu esok supaya Yang Berhormat Menteri dapat memberi....

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Timbalan Menteri bangun.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, pohon penjelasan dari Ahli Yang Berhormat. Saya pun bengung sedikitlah melihatkan bahawa kepala apa Yang Berhormat bercakap ini. Adakah di bawah JPJkah atau bawah Kerja Rayakah, kerana begitu panjang Yang Berhormat cakap tidak ada sangkut-paut langsung dengan budget yang kita pohon ini.

Seorang Ahli: Out of topic.

Dr. Tan Seng Giaw: Esok dan lusa tidak boleh. Walau bagaimanapun, saya habiskanlah bahagian itu, dan saya hendak alih kepada bahagian yang lain, iaitu pengangkutan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya kerana kita hendak jadi sebuah negara yang maju, pengangkutan kita mestilah mencapai tahap yang tinggi. Sepatutnya Menteri Pengangkutan mesti rajin datang ke sini untuk menerangkan kepada kita semua apakah dasar pengangkutan, apakah pencapaian pengangkutan. Kita harapkan ia boleh memainkan peranan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek hendak saya tekankan di sini, kerana 'overloading', muatan lebih. Kita mesti kira di dalam masalah pengangkutan ini, adakah pihak Kementerian Pengangkutan buat kajian yang menyeluruh mengenai masalah pengangkutan ini. Sebab setakat ini saya ada baca kenyataan-kenyataan daripada pihak kementerian, saya nampak tidak lengkap kenyataan mengenai keperluan, mengenai masalah pengangkutan ini. Aspek 'overloading' sahaja walaupun ada banyak seruan daripada persatuan-persatuan lori dan sebagainya, tetapi nampaknya langkah-langkah tidak cukup. Walaupun saya akui pada akhir-akhir ini Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan juga pihak polis ada menjalankan tugas dengan lebih baik pada akhir-akhir ini, ada kemajuan sedikit, tetapi tidak cukup, memang tidak cukup.

Misalnya, saya sentiasa ada bangkitkan di sini juga, kita hendak menyaksikan kalau ada lori daripada Bukit Kayu Hitam sampai ke Johor Bahru, kita hendak tengok muatan yang lebih itu tidak ada. Kita hendak tengok semua pengangkutan ini boleh jalan dengan lancar, tidak ada sekatan kerana masalah-masalah yang tertentu, sekatan yang tidak munasabah. Tidak ada masalah untuk membayar 'wang pelincir' dan sebagainya. Minyak pelincir ada banyak jenis. Misalnya, biasalah daripada Kuala Lumpur ke Johor Bahru, pemandu lori mesti simpan RM200, RM300 lebih sebagai 'minyak pelincir'. Kalau ada sangkut sedikit, dia boleh keluarkan. 'Minyak pelincir' ini jenis kertaslah, untuk menyelesaikan masalah. Kita hendak gejala dan fenomena ini dapat dihapus ataupun dikurangkan. Saya tekankan bahawa pihak JPJ, pihak Kementerian Pengangkutan mesti menambahkan keberkesanan penguatkuasaan. Mungkin latihan ke atas pegawai-pegawai dan kakitangan yang lain untuk menjalankan tugas dengan penuh etika, penuh berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya saya beri satu contohlah, katalah kita beli satu lori, dipanggil prime mover atau trailer. Prime mover ini kalau yang baru dengan roda 14 - prime mover 6, trailer 8 roda. Lori 14 roda ini harganya RM200,000 ataupun RM210,000 dan kemudian ia hendak mengendalikan

tiap-tiap bulan kalau yang baru mungkin RM1,000 sudah cukup. Kalau yang second hand, yang lama terpakai mungkin RM2,000, RM3,000 sebulan. Kemudian ia angkut barang-barang. Barang-barang ini biasanya boleh dibenarkan 20 tan metrik. Setiap tan itu kadarnya RM40.00 untuk operator lori. Kalau dia muatkan dengan yang dibenarkan 20 tan sahaja satu perjalanan, memang setiap tan RM40.00. Kalau dimuatkan 40 tan, kadangkala kita nampak lori itu ia muatkan dengan lebih. Bayangkan keuntungan itu satu kali ganda dan menjadi RM80.00 satu tan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau penguatkuasaan itu berkesan, semua orang dalam keadaan yang adil, tidak ada muatan yang lebih, itu ada persaingan boleh diadakan kerana siapa yang hendak menggunakan syarikat yang cajnya lebih kalau berbanding dengan syarikat yang lain. Satu contohnya, anak syarikat HICOM sebelum ini memang ada pengangkutan. Anak syarikat HICOM ini tidak boleh untung pada masa dahulu, sebab dia tidak ada muatan lebih. Dia ikut undang-undang, kalau mengikut undang-undang bersaing dengan orang-orang yang tidak mengikut undang-undang, itu mati semua, sebab itu pada satu ketika anak syarikat pengangkutan di bawah HICOM tak boleh untung, memang tak boleh.

Sebab itu saya tekankan di sini bahawa kita bukan sahaja hendak jagakan perniagaan pengangkutan, bahkan juga kita hendak menjagakan jalan-jalan kita dan jambatan-jambatan kita kerana dengan muatan lebih ini, kemudahan-kemudahan asas prasarana infrastruktur akan rosak dengan lebih cepat, itu satu masalah lagi dan merbahaya kepada trafik, merbahaya kepada orang awam, banyak faktor. Tetapi saya menyeru supaya pihak kementerian membuat satu kajian yang menyeluruh mengenai masalah ini dan seterusnya mengadakan langkah-langkah yang berkesan untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak masa sebab tidak ada orang yang hendak berucap.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya ada, Kubang Kerian.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada satu lagi, saya hendak beri dia peluanglah. *[Ketawa]*

Ya, mengenai masalah wanita. Jangan Yang Berhormat hendak kata tidak ada maksud wanita ini di dalamnya mungkin ada. Jangan kita bangunkan lagi.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Timbalan Menteri bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia bangun juga.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan, Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini salah seorang yang terbaik di kalangan DAP. Kadang-kadang dia bercakap tentang pengangkutan, jalan raya, dalam ini kereta api. Apa halnya? Paling banyak kereta api, lapangan terbang, pelabuhan, tetapi diheretnya. Saya rasa patut gunakanlah supaya masa itu sesuai untuk kepentingan orang lain pula.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh, memang kereta api kita mesti menumpukan perhatian kerana seperti ada kemalangan di dalam kereta api sehingga sekarang ada satu pengalaman yang tidak dapat diselesaikan lagi, memang ada, masalah KTM bukan selesai dah, ada masalah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mesti menumpukan perhatian kepada kelicinan dan keberkesanan, kecekapan KTM juga kerana sekarang kita di dalam KTM itu lintasan yang tidak dapat diselesaikan banyak, lebih 100 lintasan yang mewujudkan masalah bagi orang ramai termasuk di Taiping yang saya lihat, satu lintasan terbuka di Taiping pun menjadi masalah juga, kesesakan lalu lintas kerana tidak dapat melalui bila ada kereta api yang hendak lalu.

Saya memang bernasib baik kerana di Kajang ada lintasan yang terbuka tetapi bila saya jadi Ahli Dewan Undangan Negeri di situ sudah jadi persimpangan bertingkat, selesai dah. Di Kepong juga pada satu masa dan ketika ada satu lintasan, tetapi apabila saya jadi Ahli Parlimen semua selesai. *[Ketawa]* Semua selesai! Saya nasib baiklah! Tetapi ada lebih 100 lagi lintasan di seluruh negara termasuk di semua negeri yang ada kereta api itu yang belum diselesaikan lagi.

Dan masalah yang berlaku di Johor itu, kemalangan di lintasan kereta api itu belum selesai lagi sehingga kita mesti melantik seorang lagi bekas Timbalan Menteri, Dato' K. Patmanaban menjadi pengerusi yang baru untuk menyiasat masalah kemalangan di Johor Bahru yang menyebabkan kematian kerana lintasan kereta api. Jadi, masalah itu belum selesai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap masalah ini kerana Yang Berhormat hendak saya bangkitkan tadi. Sebab sebenarnya saya ada masalah wanita.

[Ketawa] Masalah wanita! Sebab saya ada dengar ucapan daripada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang mengatakan undang-undang yang mengabaikan dan mendiskriminasikan wanita itu akan dipinda dan dibentang di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi ada dua rang undang-undang, dua akta iaitu 'The Guardianship of Infant Act' dan juga 'Distribution Act in Heritage', kedua-dua akta ini walaupun dilaung-laungkan di luar Dewan ini, belum lagi dibentangkan.

Saya menyeru supaya kedua-dua akta ini pindaan ke atasnya dapat dibentangkan di dalam sesi ini juga, sebab itulah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Dan saya nampak Yang Berhormat Menteri tadi tidak ada hendak soalkan masalah yang dihadapi oleh wanita juga, lebih besar daripada KTM. Kerana 50% penduduk di Malaysia ini ialah wanita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada peruntukan daripada pihak kementerian untuk memajukan wanita untuk mempertingkatkan keupayaan wanita menyertai pembangunan, memang kita mesti menggalakkan pihak kementerian terus memberi peruntukan untuk menolong wanita.

Walau bagaimanapun, saya hendak menyaksikan bahawa di dalam usaha ini semua undang-undang yang tidak adil ke atas wanita dapat dipinda dan dapat dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, mengenai masalah yang timbul di dalam usaha untuk mengadakan KLIA dan juga LRT dan Monorel di Kuala Lumpur. Tuan Yang di-Pertua, masalahnya hutan di KLIA. Walaupun pihak kementerian sudah mengatakan bahawa sebahagian daripada KLIA ini akan dijadikan satu hutan 'rainforest'. Tetapi, saya hendak mengetahui daripada kementerian mengapa projek hutan ini tidak dapat dilaksanakan setakat ini?

Kerana kita sentiasa dan kita boleh melihat papan iklan bukan sahaja di lebuh raya Utara/Selatan, kadangkala kita nampak 'we green' daripada satu ketika di Subang pun ada 'we green', kita menghijaukan bumi manusia ini. Saya bersetujulah kerana hendak menghijaukan bumi manusia ini, kurang hijau dari sekarang ini ...

Seorang Ahli: Biru!

Dr. Tan Seng Giaw: Biru, membiru! [Ketawa] Saya hendak menyaksikanlah usaha untuk menghijaukan bumi manusia di Malaysia ini. Tetapi

sambil menunjukkan papan iklan ini, kita nampak ada banyak projek pembangunan di sekitarnya dan hijau itu jadi hijau konkritlah, bukan hijau pokok, itu masalah. Dan di KLIA pula, kalau kita adakan satu kawasan yang ada hutan, kita boleh kata, ah ini di KLIA juga kita adakan satu kawasan hutan yang lengkap untuk menunjukkan iltizam Malaysia untuk mengekalkan bumi Malaysia ini lebih 50% di bawah hutan. Itu hasratnya hendak jadikan Malaysia 50% hijau. Itu saya berharap pihak kementerian dapat menjawab mengenai hutan di KLIA dan yang sedikit saya bangkitkan mengenai LRT, bolehkan Yang Berhormat menerangkan bilakah LRT di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya ini dapat diselesaikan, dituntaskan?

Sebab, di dalam tempoh beberapa tahun ini, di Jalan Pudu sahaja terutamanya dekat sekitar Pudu Raya, kesesakan lalu lintas kerana projek ini dan di sekitar Kuala Lumpur, memang kadangkala kita tidak boleh mengelakkan kerana ada projek jalan itu ditutup atau diperkecilkan, lorong itu dikurangkan dan sebagainya, memang itu tidak boleh dielakkan, tetapi sampai bila di Jalan Pudu itu sudah empat tahun tidak selesai lagi. Memang ada satu tempoh masa yang diberi, bukan untuk bertahun-tahun, sekarang bermula dengan Monorel pula, entah sampai bila!

Dan saya berharap pihak kementerian dapat menyelaras dengan pihak polis dengan Dewan Bandaraya supaya kita boleh sama-sama membantu trafik di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dapat berjalan dengan lebih lancar. Saya mengakui bahawa usaha daripada pihak polis trafik pun baik juga kerana walaupun kekurangan kakitangan, tetapi kadangkala kita nampak ada trafik itu baik juga, tetapi tidak mencukupi - memang tidak mencukupi!

Sebab itulah sebelum saya mengakhiri masalah yang telah saya bangkitkan ini, soalan-soalan yang telah saya kemukakan ini, saya mengulangi bahawa tadi saya menyeru supaya satu Kertas Putih mengenai penyakit ganjil di Sarawak dibentangkan dengan lebih cepat di Dewan yang mulia ini, yang kedua, masalah muatan lebih mengenai lori dan dasar pengangkutan dan kajian yang perlu dibuat untuk mengatasi masalah ini dan yang mengenai lintasan kereta api yang tidak diuruskan dengan baik, lebih 100 lagi di seluruh negara yang perlu diperbaiki. Mungkin semua itu kita adakan projek-projek persimpangan bertingkat untuk menyelesaikan masalah ini seperti dilakukan di Kajang dan Kepong yang telah saya sebutkan tadi dan mengenai wanita.

Saya berharap rang undang-undang meminda akta-akta yang tidak begitu adil ke atas wanita dapat dibentangkan di sini terutamanya mengenai 'The Guardianship of Infant Act' dan juga 'The Distribution in Heritance Act' dapat dikemukakan kepada semua Ahli Dewan Rakyat dan mengenai KLIA, LRT dan masalah-masalah yang timbul. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Gelang Patah.

4.44 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahar tentang perbekalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin gunakan peluang keemasan ini untuk membahar tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana baru-baru ini kita sentiasa mendengar bahawa ada saranan untuk menggunakan cara incineration, dengan izin, untuk menggantikan cara pelupusan sampah secara sanitary landfill, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu kesan langsung daripada kegiatan perindustrian dan peningkatan taraf hidup rakyat Malaysia ialah pertambahan dalam kadar dan isi padu bahan buangan yang dijana setiap hari. Lantaran itu sistem pengumpulan dan pelupusan sisa industri dan sisa domestik negara ini memanglah wajar diperkemaskinikan, lebih-lebih lagi dalam konteks memelihara alam sekitar.

Apabila memperkatakan mengenai sistem pelupusan bahan buangan pepejal yang moden, tentulah kita tidak dapat lari daripada meninjau sistem pelupusan dengan cara 'incineration' atau lebih dikenali sebagai 'incineration method'. Cara pelupusan sampah sarap dengan kaedah 'incineration' memang didapati amat efektif dari segi kemampuannya melupuskan isipadu bahan buangan pepejal yang banyak setiap hari, dan saya mendapat tahu bahawa kerajaan juga bercadang untuk memperkenalkan kaedah 'incineration' ini ke dalam sistem pelupusan sampah sarap negara ini. Pada ketika kita menuju status negara perindustrian, ditambah dengan populasi kita yang semakin meningkat, memanglah wajar kita cuba untuk mempertimbangkan kaedah penunuan bagi menangani masalah penajaan sampah sarap yang semakin kritikal.

Walau bagaimanapun, kita perlu sedar bahawa kos pembinaan sebuah tapak 'incineration' atau 'incineration plant' amatlah tinggi dan kos

penyelenggaraan serta kos operasinya juga bukan sedikit. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa sekiranya kita masih boleh bergantung kepada sistem pelupusan sampah dengan menggunakan 'sanitary landfill', kita tidak perlu memperkenalkan kaedah 'incineration' secara tergesa-gesa.

Menurut cadangan seorang pembentang kertas kerja dalam satu persidangan Conference on Waste Management in the Coastal Areas of the ASEAN Region yang berlangsung pada tahun 1991 di Singapura, beliau menegaskan bahawa memandangkan pelaburan untuk mewujudkan satu tapak 'incineration' memakan belanja yang begitu banyak, maka keperluan terhadap kaedah ini perlu dikenalpasti dengan teliti dan biasanya ia akan mengambil masa lebih kurang lima tahun bermula daripada peringkat kajian kesesuaian sehinggalah sesebuah tapak 'incineration' itu mula beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa kaedah pelupusan sampah dengan cara penutupan menggunakan tanah bukanlah satu kaedah yang ketinggalan zaman atau tidak mesra alam. Sungguhpun kita sering mendapati penduduk-penduduk yang tinggal berdekatan tapak pelupusan sampah yang menggunakan tanah mengadu tentang bau busuk yang menyelubungi kawasan kediaman mereka, dan juga kedatangan banyak nyamuk serta lalat berterbangan di sekitar tempat duduk mereka, ini adalah berpunca daripada masalah operasi di tapak pelupusan yang tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan dan bukanlah kerana kaedah pelupusan 'sanitary landfill' itu tidak baik.

Sepanjang pengalaman saya, cara operasi di tapak-tapak pelupusan sampah jenis 'sanitary landfill' di negara ini selalunya tidak menepati kehendak yang ditetapkan terutamanya dari segi pemampatan sampah sarap yang dihantar ke pusat pelupusan setiap hari dan juga tebal tanah yang perlu ditutupkan ke atas lapisan sampah sarap. Sekiranya sampah sarap yang dibawa ke tapak pelupusan setiap hari tidak dimampatkan dengan betul menggunakan jentera penggelek dan ditutup dengan baik menggunakan tanah dan seterusnya dimampatkan juga lapisan tanah itu, air hujan akan mudah meresap ke dalam celah-celah bahan buangan tersebut dan bertakung di situ dan seterusnya menghasilkan bau yang tidak selesa serta menjadi tempat pembiakan lalat dan nyamuk.

Tambahan pula, disebabkan lapisan sampah dan tanah tidak dimampatkan dengan sempurna, gas methane yang terkandung di dalam lapisan sampah sarap akan mengakibatkan pereputan sampah sarap

dan tindak balas kimia ini akan menghasilkan gas yang mudah terbakar. Itulah sebabnya kita selalu membaca berita tentang kebakaran di tapak pelupusan sampah terutamanya pada musim kering.

Justeru itu, apa yang kita perlu lakukan bagi mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan cara pelupusan 'sanitary landfill' ini ialah memastikan sampah sarap yang dilonggokkan setiap hari dimampatkan, ditutup dengan tanah atau pasir dan dimampatkan juga lapisan tanah itu dengan memuaskannya. Adalah kurang bijak sekiranya kita tergesa-gesa menggugurkan cara pelupusan sampah yang ekonomik ini dan bertukar kepada cara 'incineration' yang berlipat ganda kosnya tanpa kaji selidik yang secukupnya.

Negara kita masih mempunyai banyak kawasan lapang yang boleh dijadikan tapak pelupusan sampah menggunakan cara penutupan tanah. Oleh itu, sebarang cadangan untuk membina tapak 'incineration' patutlah dipertimbangkan dengan cukup teliti.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 80-an, kita dapat perhatikan bahawa pihak kerajaan begitu ghairah menggunakan pendekatan penswastan untuk memindahkan risiko dan tanggungjawab membina dan mengoperasikan projek-projek infrastruktur kepada pihak swasta, khasnya projek-projek raksasa yang memerlukan modal yang banyak. Walaupun pendekatan menswastakan perkhidmatan tertentu memang ada kewajarannya, namun saya seratus peratus tidak bersetuju sekiranya pembinaan dan operasi tapak 'incineration' diserahkan kepada pihak swasta dengan alasan meringankan beban kerajaan kerana kos pembinaan dan penyelenggaraannya cukup tinggi.

Ini adalah kerana kos pembinaan sebuah tapak 'incineration' boleh sampai beberapa ratus juta ringgit dan kos operasi serta penyelenggaraan setiap tahun boleh juga mencecah puluhan juta ringgit. Sekiranya perkhidmatan pelupusan sampah sarap ini diserahkan kepada pihak swasta, mereka tidak akan dapat memperolehi pulangan atas pelaburan yang dibuat untuk satu jangka masa yang cukup panjang atau untuk selama-lamanya kerana mereka perlu membayar faedah atas pinjaman yang dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, negara jiran kita ada menggunakan kaedah 'incineration' untuk pelupusan sampah sarap dan semua tapak 'incineration' di negara itu masih di bawah penyeliaan dan pengurusan Kementerian Alam Sekitar. Tapak 'incineration' yang pertama di Singapura dibina pada tahun 1979 dan terletak di Ulu Pandan. Dengan

kapasiti awalnya 1,200 tan sehari, kos pembinaan pada waktu itu melibatkan pelaburan sebanyak S\$130 juta. Tapak 'incineration' yang kedua di negara itu iaitu yang terletak di Tuas dibina dalam tahun 1986 dan mempunyai kapasiti 2,000 tan sehari dan memakan kos pembinaan sebanyak S\$200 juta. Secara purata setiap 10 tan kapasiti memerlukan kos pelaburan sebanyak lebih dari S\$1 juta. Manakala jumlah kos operasi kedua-dua tapak 'incineration' itu pada tahun 1989 adalah sebanyak S\$29.52 juta dengan purata S\$24.83 untuk setiap tan sampah yang dilupus dengan cara 'incineration'.

Pada tahun yang sama, jumlah bayaran atas perkhidmatan pelupusan yang diterima oleh kedua-dua tapak 'incineration' ini cuma S\$3.39 juta berbanding dengan kos operasinya yang berjumlah S\$29.52 juta. Perbezaan ini melebihi S\$26 juta dan perbezaan ini diisikan oleh caj perkhidmatan mengutip sampah yang dibayar oleh para penduduk hasil penjualan tenaga elektrik yang dijana oleh proses 'incineration' sampah dan juga hasil penjualan bahan logam yang dikumpulkan daripada longgokan sampah. Semua perkhidmatan di atas adalah diselia oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kerajaan Malaysia ingin menswastakan perkhidmatan pelupusan sampah dengan kaedah 'incineration', yang pertama kita harus tanya dari manakah konsortium yang diberi kontrak ini hendak mendapatkan modalnya? Pengalaman kita dengan Indah Water Konsortium sudah memberitahu kita bahawa konsortium swasta ini akan memeras daripada para pengguna dan turut mencetuskan krisis inflasi.

Yang kedua, adakah pihak kerajaan akan turut menswastakan perkhidmatan mengutip sampah sarap daripada setiap rumah yang kini di bawah tanggungjawab kerajaan tempatan. Jawapannya tentulah ya, kerana untuk memastikan tapak 'incineration' itu mempunyai cukup sampah untuk dilupus.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah konsortium tersebut mampu mengendalikan pengutipan sampah sarap untuk satu kawasan yang besar dan sekiranya para penduduk tidak puas hati dengan perkhidmatan mengutip sampah sarap ini kepada siapakah mereka harus mengadu. Pada masa sekarang, walaupun perkhidmatan mengutip sampah di beberapa tempat dikendalikan oleh subkontraktor yang dilantik oleh pihak berkuasa tempatan, tetapi sekiranya subkontraktor tersebut

gagal menjalankan tugasnya pada hari-hari tertentu, para penduduk masih boleh mengadu kepada pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa tempatan boleh menghantar kakitangannya sendiri untuk melakukan kerja-kerja mengalihkan longgokan sampah sarap dari pintu ke pintu dan memotong bayaran kontraktor yang tidak menjalankan kerja itu. Sekiranya perkhidmatan tersebut diswastakan sekali gus, kerajaan tempatan tidak lagi mempunyai kuasa atau tenaga kerja untuk campur tangan dalam isu ini dan ini berarti kalau konsortium tersebut tidak mempunyai kakitangan yang cukup dan amanah untuk mengutip sampah sarap pada setiap hari, bukankah kita terpaksa hidup dalam satu persekitaran yang kurang sihat dan saban hari diserang bau busuk.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, seandainya kita berhasrat mencontohi tapak incineration di negara Singapura yang menjual sebahagian dari tenaga elektrik yang dijana daripada proses incineration sampah untuk membiayai sebahagian daripada kos operasi, adakah kita mempunyai sistem jaringan yang cekap untuk menghantar tenaga elektrik ini kepada tempat yang memerlukannya? Semua ini juga akan melibatkan kos penyediaan dan penyelenggaraan tambahan.

Pendek kata, sekiranya pihak kerajaan ingin memperkenalkan kaedah incineration untuk pelupusan sampah sarap di negara ini, cadangan ini hendaklah dikaji dengan sedalam-dalamnya. Seterusnya, memandangkan kos pembinaan dan operasi yang begitu tinggi, perkhidmatan ini tidak patut diswastakan dengan apa jua sebab demi kebajikan rakyat yang sudah banyak dibebankan dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang diswastakan, yang tidak perlu saya huraikan secara panjang lebar di sini.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menegaskan bahawa sungguhpun Singapura kini sudah mempunyai tapak incineration yang ketiga di Senoko, tetapi pada tahun 1990 masih terdapat lebih 40% daripada jumlah bahan buangan pepejal di negara itu yang dilupus dengan kaedah sanitary landfill. Dalam konteks negara kita yang tidak mempunyai masalah kekurangan tanah, kita sepatutnya berusaha mengoptimumkan penggunaan cara pelupusan yang jauh lebih ekonomik itu, dan tentulah pendekatan yang paling bijak apabila berhadapan dengan masalah penjana sampah sarap yang banyak ialah mempergiatkan usaha kitar semula bahan selepas digunakan serta mengurangkan penjana sampah sarap dalam aktiviti harian kita.

Dengan kata-kata yang demikian, saya mengakhiri ucapan saya tentang masalah yang kemungkinan bakal wujud jika kita mengamalkan sistem incineration. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelutong.

5.03 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Speaker. Ada dua, tiga perkara yang penting saya ingin bangkitkan.

Yang pertama, ini bukan penting tetapi maha penting di atas ketidak-kehadiran Peguam Negara pada 19 Julai apabila beliau ada disenaraikan untuk mengambil bahagian dalam penganjuran Meja Bulat Menentang Rasuah serta Persidangan Konsensus Menentang Rasuah. Bolehkah seorang berpangkat seperti itu, dengan izin, the highest legal officer in the land tidak hadir apabila beliau mengetahui bahawa beliau ada disenaraikan sebagai seorang yang akan mengambil bahagian dalam perkara-perkara penting yang akan berbangkit. Adakah ini bermakna, adakah ini tanda Peguam Negara sendiri sudah hilang kepercayaan dalam diri sendiri? Sampai hari ini tidak ada apa-apa sebab yang ada diberi atas ketidakehadirannya. Jika itu, lebih baik Peguam Negara ini letak jawatan.

Tuan Speaker, dalam masa dahulu Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib, walaupun saya dan kami dalam DAP tidak bersetuju ke atas beberapa tindakan yang ada diambil oleh beliau dalam beberapa perkara, tetapi apa yang tidak boleh dilarikan ialah beliau adalah seorang profesional. Apabila sesuatu isu berbangkit, beliau menjawab apa yang harus dijawab walaupun beliau ada dikritik selepas itu, khususnya kes D.P. Vijandran apabila dia memusnahkan video-video lucah itu.

Saya mahu dapat tahu daripada siapa yang ada di sini, barangkali kawan saya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [*Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz tersenyum*], bolehkah dia jawab, bukan sekarang tetapi selepas ini.....

Seorang Ahli: Di luar Dewan.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan di luar Dewan, tetapi satu jawapan rasmi kenapa Peguam Negara ini tidak menghadiri diri pada 19 Julai dalam mesyuarat yang penting sekali. Isu yang penting sekali dan ini harus dikemukakan oleh dia dengan rasmi, bukan oleh Menteri Pendidikan bahawa satu pindaan kepada Prevention of Corruption Act, 1961 akan dibawa ke Parlimen iaitu satu fundamental bagi

administration of justice terbalik presumption of innocence, 'a person is no more presume to be innocence but presume to be guilty until he proves otherwise'. Bolehkah satu anggapan seperti itu dibawa dalam Dewan yang mulia ini?

Saya beri amaran kepada Peguam Negara ini jangan mengetepikan atau merendahkan peringatan ahli-ahli Dewan yang mulia dalam Dewan ini. Ada beberapa ahli Dewan dari Barisan Nasional tidak bersetuju mengenai anggapan ini.

Sistem dalam negara ini adalah 'a person is presume to be innocence until proven guilty' dan ini adalah burden of prove, bukan honours of prove. Ada perbezaan - burden honours standard. Bagi burden of prove, dengan izin, 'is always on the prosecution to prove his case beyond reasonable doubt right from the start'. Tetapi bagi apa yang tidak berapa penting, apa yang tidak berapa fundamental, apa yang jadi satu side issue dan anggapan ada dalam undang-undang khasnya dalam The Dangerous Drugs Act 1952 di mana 'if anybody found in custody of control of anything whats ever containing, he shall until the contrary is prove be presume to be in position thereof'. Ada, itu honours - honours be shift to, Tuan Speaker, to the accuse tetapi bukan fundamental di mana the basic, fundamental fabric of the administration of criminal law in the country is being reversed, Tuan Speaker.

Barangkali Peguam Negara ini harus datang ke sini walaupun tidak ada peruntukan dalam Peraturan Mesyuarat di mana Peguam Negara boleh mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Dewan yang mulia ini, tetapi barangkali Peraturan Mesyuarat itu boleh dikecualikan, beri dia peluang untuk hadir di sini, barangkali berdiri di sini untuk jawab beberapa isu penting yang berbangkit ekoran daripada apa yang diumumkan oleh Menteri Pendidikan pada 19 Julai.

Tuan Speaker, itu adalah isu yang pertama yang saya ingin bangkitkan dan saya harap selepas ini Timbalan Menteri atau Menteri - siapa pun tidak ada, barangkali ini jadi tanggungjawab Timbalan Menteri jawab, kenapa apa yang saya nyatakan tadi Peguam Negara tidak hadir.

Isu yang kedua adalah mengenai perlantikan seorang Menteri. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah orang yang menentukan siapa jadi Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau bagi jawatan-jawatan lain. Tetapi bagi sesuatu kementerian tidakkah baik untuk melantik

seorang yang ada pengalaman dalam bidang dia. Saya mengambil satu contoh, Tuan Speaker, Menteri Kesihatan baru-baru ini adalah seorang peguam (lawyer), langsung tidak mengetahui bagi kesihatan seperti wabak Cocksackie B, langsung tidak tahu. Ada beberapa doktor dalam Barisan Nasional. Jika tidak ada, ada Yang Berhormat dari Kepong boleh jadi Menteri, [Ketawa] tetapi mendapat seorang yang langsung tidak mengetahui, 31 bayi terkorban. Apa sikap Menteri ini apabila menyatakan sesuatu.....

Dato' Azmi bin Khalid: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Timbalan Menteri bangun, minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Speaker, saya hendak tanya sedikit, minta penjelasan. Andai kata menteri itu juga ialah seorang doktor perubatan, dan dengan virus coxsackie (yang walaupun kita hantar penilaiannya, penyelidikannya sampai ke United States) sukar hendak dipastikan, adakah dengan adanya menteri yang berkelulusan perubatan, bolehkah masalah ini diselesaikan?

Tuan R. Karpal Singh: Barangkali tidak boleh diselesaikan dengan mencukupi, tetapi jika dia seorang doktor barangkali ada kemungkinan besar isu itu boleh diselesaikan.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Speaker, minta izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi, Yang Berhormat, hendak beri?

Tuan R. Karpal Singh: Boleh.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya amat suka mendengar jawapan Yang Berhormat tadi mengatakan 'tidak boleh', bermakna kalau doktor pun menjadi Menteri Kesihatan tidak boleh menyelesaikan masalah. Itu sahaja jawabannya. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Yang Berhormat tidak faham, saya tidak boleh buat apa-apa.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat dari Jelutong bersetuju bahawa soalan yang

dikemukakan tadi atau pertanyaan untuk penjelasan yang dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah misleading, itu bukan isu. Isu ialah cara Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengendalikan, menangani krisis ini secara dengan boleh terus dapat keyakinan orang ramai, khususnya rakyat di Sarawak dan keluarga mereka di mana anak-anak mereka akhirnya menjadi mangsa. Bukankah benar?

Adakah Yang Berhormat dari Jelutong bersetuju kalau kita ada seorang yang lebih tahu, tidak payah jadi doktor tetapi seorang doktor, sekurang-kurangnya kalau ada seorang doktor yang jadi Menteri Kesihatan tentu tidak akan berlaku apa Yang Berhormat Menteri Kesihatan lakukan pada 9 Jun di mana dia umum kepada dunia bahawa Kementerian Kesihatan sudah mengesan, memastikan killer virus. Killer virus ialah Cocksackie B. Sudah found, determine, establish, walhal ini tidak benar dan ada web site. University of Nebraska Medical Centre sehari selepas itu kata tidak ada bukti, tidak benar.

Adakah Yang Berhormat dari Jelutong bersetuju ini adalah satu insiden sahaja di mana Yang Berhormat Menteri Kesihatan kelakuannya hilang kepercayaan orang ramai khususnya di Sarawak bahawa mereka tidak boleh yakin kepada seorang Menteri Kesihatan yang mahu monopolise isu krisis itu tetapi langsung tidak tahu apa sebab-musabab. Itulah crisis of confident. Apa yang mustahak ialah dapat sokongan orang ramai dengan kerajaan untuk menghadapi viral crisis, viral epidemic ini. Bukankah sebenarnya atas perkara ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan sudah menunjuk cuai dan sebab itu dia di luar Dewan, tidak berani masuk ke Dewan ini.

Tuan R. Karpal Singh: Itu terus-terang dia tidak berani. Jika dia ada di luar, panggil dia sekarang. [Ketawa] Bukan satu contoh yang ada diberi oleh rakan saya dari Tanjong tadi yang menunjukkan dia tidak layak untuk menjadi Menteri Kesihatan. Lebih penting daripada itu, sikap, bagaimana mengelakkan satu krisis. Dalam satu surat khabar, beliau mengatakan apabila ditanya, "bolehkah virus ini pergi ke Semenanjung?" Jawapan beliau adalah ini, walaupun 31 nyawa telah terkorban, "a virus does not need an international passport to travel." Mana dia sekarang? Bolehkah jawapan seperti itu, mengecilkan isu itu. Dia menyuarakan sebagai Menteri Kesihatan. Itu contoh yang kedua.

Contoh yang ketiga. Dia tidak ada di sini. Jika dia ada, dia boleh jawab sekarang. At the high of the crisis di Kota Kinabalu, beliau ada buat lawatan rasmi ke sana. Apa yang diadakan oleh dia dan rakan-rakan dia adalah 'a durian party'. Bolehkah keadaan seperti itu dimaafkan. Satu krisis besar dan menteri ini tidak langsung mengambil berat bagi satu isu yang ini dikatakan 31 bayi dikorbankan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Isu yang ketiga, Tuan Speaker. Ini adalah mengenai peguam-peguam dari Semenanjung yang ingin pergi ke Sabah dan Sarawak untuk mengendalikan sesuatu kes.

Tuan Yang di-Pertua: Di bawah apa Yang Berhormat? Di bawah B.14kah?

Tuan R. Karpal Singh: Jabatan Perdana Menteri. [Ketawa] Tuan Speaker, sekarang....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada itu.

Tuan R. Karpal Singh: Dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Walaupun tidak disenaraikan di sana, tetapi saya ingat kerana national unity, itu satu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, ada satu peluang yang luas diberi apabila perbahasan mengenai polisi. Itu fahaman saya.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau polisi pun dia kena di atas benda-benda, pokok-pokok yang peruntukan-peruntukan diberikan.

Tuan R. Karpal Singh: Ada beberapa di sana yang mana boleh lebih kurang.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahajalah. [Ketawa]

Tuan R. Karpal Singh: Saya tidak sangka, Tuan Yang di-Pertua, ini yang timbul. [Ketawa] Tetapi B.42, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bersangkut, Yang Berhormat. Tidak bersangkut dengan peguam-peguam itu.

Tuan R. Karpal Singh: Perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak bersangkut, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Satu negara dua sistem yang dinyatakan oleh rakan saya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang lain-lain lagi?

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi, Tuan Speaker, tidak ada apa-apa masalah, cuma all escape, saya kena sekarang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ada benda-benda lain Yang Berhormat hendak berucap?

Tuan R. Karpal Singh: Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *[Ketawa]*

5.20 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, untunghlah kawan-kawan kita yang lain tadi.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara, iaitu terutama sekali Dasar Perumahan Negara. Yang kita lihat, Timbalan Perdana Menteri selalu bercakap masalah ini. Tetapi kebelakangan ini kita lihat soal perumahan, soal pengambilan tanah dan sebagainya kita tidak tahu apakah ada dasar atau tidak ada dasar. Misalnya, baru-baru ini di Kuala Lumpur pihak mahkamah telah memenangkan tuntutan daripada penduduk-penduduk di situ yang dipanggil setinggan, iaitu tanah tempat tinggal mereka itu ada Tanah Rizab Melayu di Kampung Cubadak, Sentul, daerah Setapak. 273 ekar Tanah Rizab Melayu, walaupun pihak mahkamah telah isytiharkan bahawa tanah itu Tanah Rizab Melayu, tetapi kita lihat syarikat pemaju perumahan di situ terus membuat dan membina rumah-rumah di situ. Bahkan penduduk-penduduk di situ bila enggan berpindah, pihak pemaju telah memotong bekalan air dan bekalan api.

Satu perkara yang saya hendak timbulkan di sini, sudah jadi trend baru sekarang, iaitu untuk menghalau penduduk-penduduk di setinggan ataupun dipanggil peneroka bandar, tindakan yang diambil ialah memotong air dan memotong bekalan api. Ini satu tindakan yang kita lihat tidak ada perikemanusiaan. Sebab bila saya sendiri dipanggil oleh penduduk tersebut untuk pergi melihat mereka, setelah lima hari dipotong air di Kampung Cubadak, Sentul, lebih 70 keluarga. Bayangkanlah di tengah bandar mana hendak cari air, terutama sekali 70 keluarga itu. Semua bangsa perlukan air, tetapi kalau orang Islam mereka lebih memerlukan,

terutama sekali hendak ambil wuduk dan sebagainya atau untuk kerja-kerja yang lain. Kita lihat potongan air dibuat dengan begitu kasar sekali oleh pemaju. Bila penduduk tersebut bersama saya pergi ke Jabatan Perdana Menteri, Wilayah Persekutuan, pegawai-pegawai di situ hanya memberi jawapan 'kami tidak ada kuasa, yang ada kuasa adalah pemaju.'

Pemaju begitu berkuasa sekarang ini sehingga kerajaan sendiri, pegawai kerajaan yang mewakili kerajaan mengatakan 'kami tidak ada kuasa.' Ini kita lihat trend yang berlaku sekarang pemaju begitu berkuasa, sedangkan bumiputera atau orang Melayu ini yang datang duduk di situ hasil daripada apa yang disebut selepas 13 Mei, iaitu menyedari pada waktu itu satu tempat itu tidak boleh dimonopoli oleh satu kaum, maka orang-orang Melayu digalakkan berpindah ke Kuala Lumpur dan mereka duduklah di tanah-tanah rizab kerajaan atau Tanah Rizab Melayu. Tetapi sekarang kita lihat hasrat Tun Razak itu tidak dipandang ataupun pemimpin-pemimpin sekarang sudah lupa dan pemaju-pemaju yang berkuasa, akhirnya mereka ini terpaksa berpindah atau terhalau semula daripada bandar raya. 273 ekar di Sentul, tengah-tengah bandaraya, pemaju boleh dapat Tanah Rizab Melayu, ini satu lombong emas bagi pemaju ini. Kemudian, dia buat rumah untuk orang-orang yang tinggal di situ, rumah pangsa berharga RM25,000, penduduk di situ terpaksa beli, dan pemaju tidak rugi apa-apa, bahkan mereka akan dapat tanah 273 ekar di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur.

Kita tidak mahu kita bercakap bermusim. Bila Perdana Menteri sentuh hal sosial, kita pun riuh bercakap hal sosial. Sekarang bila Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bercakap hal rasuah, kita pun bercakap hal rasuah. Satu hari bila Perdana Menteri sentuh hal kedudukan Tanah Rizab Melayu, maka semua akan bercakap tajuk itu. Macam hal rasuah sekarang ini, semua bercakap. Barangkali kalau bekas Ketua Menteri Melaka masih jadi Ketua Pemuda UMNO, dia pun juga akan buat seminar untuk membincang, bermaufakat membanteras rasuah. Barangkali kalau bekas Menteri Besar Selangor juga jadi Naib Presiden, masih lagi menjadi menteri besar dia juga akan buat seminar bagaimana hendak menentang rasuah. Jadi, sudah bermusim. Sekarang ini, kita bercakap soal tanah ini 273 ekar akan terlepas, akan boleh kepada pemaju.

Memang dasar pemaju kalau tidak ditekankan oleh kerajaan ia akan buat rumah yang mahal. Misalnya, hari itu di Tropicana saya baru pertama kali masuk. Saya tanya rumah-rumah di situ berapa

harga? Satu setengah juta hingga dua juta ringgit ataupun atas dari RM800,000 sebuah banglow. Yang boleh beli di situ bumiputera setahu saya dua orang. Salah seorangnya ialah Ketua Pengarang sebuah akhbar. Sekarang ketua pengarang akhbar boleh beli rumah sejuta lebih, ini satu perkara yang cukup hebatlah.

Jadi, kita lihat sekarang soal dasar ini tidak ada. Tetapi bila kita dengar cakap bermusim, ini memanglah perkara-perkara ini ditimbulkan. Misalnya, Ahli Parlimen dan juga Timbalan Menteri, Yang Berhormat dari Titiwangsa, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed mengatakan bahawa tanah-tanah kepunyaan orang-orang Melayu semakin hilang. Mereka merungut, tetapi mereka yang memerintah. Mereka yang kita lihat melepaskan tempat-tempat seperti ini, dan tanah ini katanya terlepas kepada pemaju sejak dari zaman Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Sharir Abdul Samad dahulu. Dan sampai mahkamah memenangkan baru-baru ini pun kita lihat projek itu berterusan. Ertinya, pemaju begitu berkuasa.

Jadi, kita bimbang semangat yang timbul selepas 13 Mei, iaitu supaya penduduk bandar itu bercampur, iaitu adanya orang Melayu, ada orang India dan Cina, perkara itu akan terhakis dengan dasar perumahan yang berlaku sekarang ini yang kita lihat pemaju begitu berkuasa. Bahkan bila rumah-rumah mewah banyak sekarang ini barangkali tidak ada pembeli. Pegawai kerajaan mana mampu beli. Gaji RM2,000 sekarang hendak beli rumah yang harga RM200,000? Tuan-tuan tidak mampu. Timbalan Perdana Menteri menyebut pula bahawa rumah-rumah ini mungkin akan dibenarkan rakyat asing untuk membelinya. Satu lagi perubahan. Bila rakyat asing boleh membeli, kalau dahulu jiran sebelah rumah kita Maniam, Ah Chong, tidak lama lagi barangkali Mohd. Gol, Sobroto akan duduk sebelah rumah kita. Juga mereka yang mampu daripada Singapura, Taiwan, Hong Kong yang boleh membeli rumah-rumah.

Jadi, yang dikatakan ada Dasar Perumahan Negara itu saya nampak tidak ada dasar. Dasar ikut selera pemaju. Bayangkan kalau 273 ekar Tanah Rizab Melayu terlepas kepada pemaju, maka pemaju itu boleh buat apa dia suka. Kerajaan pula kata dia tidak ada kuasa. Jadi, perkara-perkara ini yang kita lihat, malanglah terutama sekali Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dapat RM3 juta lebih untuk mengindahkan bandar-bandar yang bersangkutan-paut dengan Sukan Komanwel. Jadi, bila disebut kerajaan tidak ada kuasa, bila saya

pergi ke pejabat hari itu, saya nampak betul sekarang, sebab semua perkara penting diswastakan. Akhirnya, kerajaan makin hari makin hilang kuasa tahun menentukan dasar. Dasar ditentukan oleh pemaju atau ditentukan oleh tauke-tauke. Ini merbahaya dalam jangka panjang keadaan penduduk di Malaysia yang bersifat multi-racial, multi-religion, pelbagai bangsa dan agama kalau kerajaan sendiri tidak ada dasar dan dasar ditentukan pihak swasta.

Jadi, perkara ini perkara yang perlu diambil perhatian. Jangan kita bercakap hal bermusim. Misalnya, sekarang ini musim bercakap anti rasuah. Seminar yang dianjurkan oleh Ketua Pembangkang kita, NGO yang hadir hebat-hebat. Saya sendiri sebagai yang biasa ikut kursus wartawan tiga-empat hari, saya agak berita yang akan di'highlight' hari itu ialah kalau ucapan Yang Berhormat dari Tanjong, sebab dia pembangkang. Tidak di'highlight'kan berita dia pun bagi saya tidak mengapa. Param Cumaraswamy, itu pun dianggap cenderung kepada pembangkang. Chandra Muzaffar, itu barangkali dianggap cenderung kepada pembangkang. Tan Sri Samad Ismail, itu orang yang dianggap tengah. Profesor Syed Hussein AlAtas, barangkali dianggap dia tengah. Tetapi ucapan pada hari itu saya agak yang akan mendapat semua headline ialah ucapan Tan Sri Harun Hashim, kerana dia bekas Pengarah Anti Corruption Agency (ACA). Beliau juga adalah bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, orang yang bercakap hal rasuah yang paling kita nampak berwibawa. Tetapi berita dia tidak keluar langsung dalam mana-mana akhbar. Yang keluar berita Ketua Back-bencher.

Tidak mengapalah Ketua Back-bencher dikeluarkan, leading utama bagi saya tidak mengapa, kerana dia hadir, sebagai orang UMNO yang hadir. Ketua Back-bencher pula memberi pandangannya itu di'highlight'kan. Tetapi berita Tan Sri Harun Hashim tidak ada. Bagaimana kita hendak banteras rasuah kalau sikap media kita masih dikontrol. Ada pengarang akhbar yang terpaksa tulis tiga kali, kerana mula-mula dia 'lead'kan story dia, cerita dia hal Tan Sri Harun Hashim yang memberi pandangan. Kerja ACA bukan kerja payah, easy job. Masa dia dahulu hanya 200 staff, kenapa dia dapat menjalankan tugas? Katanya, eksekutif tidak campur tangan.

Perdana Menteri panggil dia, suruh jadi ketua pencegah rasuah dengan kuasa penuh, maka saya dapat menjalankan tugas, patut itu jadi 'headline' semua akhbar - tak ada, yang 'headline' cerita lain. Sebab itu saya nampak cerita hendak mencegah

rasuah ini pun hanya dentuman seperti tahun 1981, bila mula-mula angkat sumpah jadi Perdana Menteri - Kerajaan 2M akan membanteras rasuah, 15 tahun kemudian Malaysia di antara negara yang berlaku rasuah yang paling tinggi dalam dunia, jadi, kita nampak tidak serius, hanya bermusim.

Jadi, dalam masalah membela khasnya bumiputera dalam bandar, mesti kita serius, mesti kita bercakap, kita melihat dengan penuh kesedaran sekarang. Kondominium-kondominium yang berharga RM200,000, siapa yang hendak membeli? Pegawai kerajaan tunggu pencen untuk balik kampung, dia tak mampu beli! Hendak beli pula rumah-rumah di kawasan Multimedia Super Corridor (MSC), pegawai kerajaan yang ada, tengok dengan mata putih bolehlah. Mereka tak mampu!

Jadi, saya sebut perkara ini supaya pihak Jabatan Perdana Menteri dan juga pemimpin-pemimpin negara kerana mereka diberi amanah untuk memerintah, fikir perkara ini dan kita jangan selepas berlaku 13 Mei lagi sekali baru kita kemuka dasar baru pula untuk kita menyelamatkan keadaan yang berlaku di Malaysia ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka.

5.31 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya amat tertarik dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Pemangku Perdana Menteri tentang perlunya projek atau pemaju-pemaju perumahan mematuhi kuota membina rumah kos rendah. Tetapi, sungguhpun saranan beliau harus disokong oleh segala lapisan rakyat, apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Saya menyatakan demikian kerana saya amat hairan apabila beliau pergi merasmikan Menara FACB satu projek yang mengandungi kondominium, tidak ada satu unit pun rumah kos rendah dibina. Dan ini datang daripada seorang pemimpin yang secara terus terang memperjuangkan hak golongan miskin yang inginkan bumbung di atas kepala mereka.

Pada masa yang sama juga, saya juga amat tertarik apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan pulang besok ke tanah air kita juga merasmikan dua bulan lepas KL Sentral iaitu satu projek mega berbilion-bilion ringgit di tengah-tengah kota dan bandaraya Kuala Lumpur. Meskipun ia dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya tidak nampak pemaju projek tersebut membina pun satu unit rumah kos rendah.

Oleh sebab itu, dimanakah iltizam pihak kerajaan untuk melaksanakan kuota rumah kos rendah yang dilaung-laungkan oleh pemimpin mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan pihak pemimpin dan kerajaan mematuhi arahan atau mengikuti arahan yang mereka keluarkan ini amat dikesali kerana ia akan menjejaskan usaha dan hasrat rakyat bahawa mereka tidak tercicir atau terkeluar daripada aliran pembangunan ekonomi utama negara ini.

Dan saya harap bahawa perkara ini bolehlah diambil perhatian serius oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya kerana kalau mereka pergi melaksanakan projek perumahan mega atau projek kompleks kondominium mega, janganlah pergi lagi kalau pemaju tersebut tidak membina rumah kos rendah atau tidak menjaga kepentingan orang miskin. Kalau mereka terus pergi, ini akan memberikan gambaran bahawa kerajaan hanya main omong-omong kosong sahaja, apabila menyeru pihak pemaju perumahan membina rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara ini saya juga ingin menyatakan apabila beberapa pemaju perumahan melancarkan projek perumahan mega di negeri saya iaitu di Melaka, pengecualian mematuhi kuota 30% untuk rumah kos rendah pun diberikan, sungguhpun kerajaan telah begitu tegas menyatakan dia tidak boleh diberikan. Dalam perkara ini saya telah mendesak Metacorp Berhad yang telah melancarkan satu projek perumahan mega yang bernilai RM3 bilion di Air Keruh, Melaka dan saya amat gembira bahawa selepas desakan saya, Metacorp Berhad telah bersetuju untuk membina hampir 1,000 unit rumah kos rendah ataupun rumah kos sederhana rendah.

Tetapi kejayaan ini hanya satu sahaja iaitu balasan daripada sebuah syarikat yang disenaraikan di dalam BSKL. Saya rasa itu adalah satu contoh yang amat jarang sekali dan saya akan meneruskan usaha saya pada hari Rabu apabila saya berjumpa dengan Pengerusi Malfa International Berhad, Datuk John Chong untuk meminta beliau juga membina rumah kos rendah, mematuhi kuota 30% dalam projeknya di Melaka juga di mana beliau juga dikecualikan daripada membina rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha ini saya rasa tidak harus dikhususkan untuk satu pihak kerana ini kita harus adakan, dengan izin, satu by-partisan approach untuk memastikan golongan miskin kita tidak tercicir. Dan di sini saya ingin meminta pihak kerajaan kita harus bersama-sama bekerjasama

memastikan pemaju projek mega bina rumah kos rendah 30% sepertimana yang ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Dalam perkara ini parti Pembangkang khususnya parti DAP bersedia memberikan sokongan penuh. Saya boleh faham kalau pemaju-pemaju projek perumahan yang kecil tak mampu berbuat demikian kerana kos yang begitu tinggi sekali, tetapi untuk pemaju-pemaju projek mega, saya rasa tidak ada alasan langsung lebih-lebih lagi apabila syarikat-syarikat tersebut pun disenaraikan dalam BSKL.

Contohnya, apabila kita bercakap KL Sentral, sungguhpun ia dibawah naungan pemilik surat khabar, saya rasa ini satu perkara yang amat sensitif tetapi sungguhpun surat khabar mereka menonjolkan masalah ini, saya harap mereka pun 'cakap serupa bikin' dengan membina rumah kos rendah untuk warga kota yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara tentang masalah rumah, ialah masalah rasuah dalam pembinaan rumah di mana kos rumah naik melambung tinggi kerana penyelewengan dan amalan rasuah yang berlaku. Saya pernah menyatakan bahawa Presiden FOMCA, Profesor Hamdan Adnan telah menyatakan bahawa 30% daripada harga rumah adalah disebabkan oleh amalan rasuah. Ini adalah satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Presiden FOMCA sejak saya ingat beberapa bulan yang lepas, tetapi sungguhpun ia diakui sebagai satu punca sebab utama, saya tidak nampak bahawa pihak kerajaan mengambil tindakan keras terhadap masalah ini kerana kalau perhatian serius tidak diberikan, saya rasa kita boleh duga bahawa harga rumah akan terus naik khususnya harga rumah kos sederhana dan sederhana rendah. Dan oleh sebab itu, saya harap bahawa pihak kerajaan boleh menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menangani masalah ini khususnya dalam peringkat jabatan tanah dan juga kelulusan pelan-pelan untuk pembangunan perumahan.

Satu lagi masalah tentang perumahan yang saya ingin bangkitkan ialah tentang klasifikasi atau diskriminasi yang dipakai oleh Kerajaan Negeri Melaka terhadap pribumi daripada Sabah dan Sarawak. Seperti yang sedia dimaklumkan oleh pihak Kerajaan Pusat, Orang-orang Asli daripada Sabah dan Sarawak dianggap sebagai golongan bumiputera di bawah Perlembagaan kita. Tetapi di negeri Melaka malangnya, mereka sama ada kaum Iban, kaum Kadazan, kaum bumi daripada Sabah dan Sarawak tidak dianggap sebagai golongan bumi dan oleh sebab itu, tidak berhak mendapat layanan sebagai kaum bumi.

Mereka yang hendak membeli rumah dianggap sebagai golongan bukan bumi. Oleh sebab itu, mereka tidak layak membeli rumah yang dikhaskan untuk golongan bumi. Di sini saya ingin menarik kepada kes spesifik iaitu seorang yang bernama Encik Guyang anak Umar seorang rakyat bangsa Iban daripada Sarawak yang apabila beliau membeli sebuah rumah kedai di Melaka di bawah peruntukan golongan bumi, beliau telah ditolak atas alasan bahawa beliau bukanlah seorang bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah satu keadaan yang tidak boleh diterima langsung, kerana apabila seorang Iban atau seorang Asli daripada Sabah, Sarawak terdiri daripada golongan bumiputera, beliau adalah bumiputera di seluruh negara Malaysia bukan hanya terhad di Sabah atau di Sarawak sahaja, tetapi apa yang berlaku ialah saya difahamkan bahawa semua kerajaan negeri menganggap mereka yang datang daripada Sabah dan Sarawak bukanlah golongan bumiputera, malah Encik Guyang anak Umar, apabila beliau bertanya mengapa beliau kehilangan taraf sebagai seorang bumiputera, beliau telah diberitahu dengan begitu kasar sekali bahawa kalau Datuk Leo Moggie datang ke Kuala Lumpur, dia bukan bumi, dia hanya bumi di Sabah atau di Sarawak, kalau di Melaka hilang kelayakan buminya.

Kenyataan seperti ini adalah penuh menghinakan sekali. Dan saya rasa perasaan beliau adalah tidak lain seperti dia telah datang ke sebuah negara lain apabila datang ke Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun parti DAP menganggap bahawa semua rakyat Malaysia haruslah dianggap sebagai sama dan saksama tetapi apabila peruntukan Perlembagaan menyatakan bahawa Orang Asli di Sabah dan Sarawak adalah bumiputera, ia tidak boleh dikhususkan hanya di kedua-dua negeri itu sahaja. Ia haruslah dilaksanakan secara sama rata di semua negeri-negeri di Malaysia dan oleh itu, saya harap bahawa pihak Kerajaan Pusat bolehlah mengatasi dan memperbetulkan kepincangan seperti ini yang telah menimbulkan perasaan tidak puas hati malah kemarahan yang amat sangat di kalangan rakyat bumiputera daripada Sabah dan Sarawak.

Macam mana kita boleh memupuk atau merapatkan hubungan atau integrasi nasional di antara Malaysia Barat dan Malaysia Timur kalau masalah seperti ini dibenarkan berlaku. Kalau kita anggap seorang bumiputera datang ke Semenanjung Malaysia hilang taraf statusnya sebagai bumi, saya

rasa kalau perkara ini disampaikan kepada rakyat di Sabah dan Sarawak, ia akan hanya menambahkan perasaan mereka dijajah atau mereka didiskriminasikan oleh Kerajaan Pusat dan ini adalah satu keadaan yang sungguh tidak sihat sekali.

Oleh sebab itu, saya harap pihak kerajaan bolehlah memberi keadilan kepada Encik Guyang anak Umar dan juga kepada semua rakyat Sabah dan Sarawak yang saya rasa amat terhina dengan amalan diskriminasi yang terpakai di negeri Melaka sekarang, tetapi saya difahamkan juga di negeri-negeri lain, malah apabila perkara ini dibangkitkan ada ramai penuntut-penuntut daripada Sabah dan Sarawak yang menuntut di Semenanjung Malaysia berasa tersangat marah sehingga apabila menelefon saya, menangis dalam kemarahan mereka, bahawa mereka boleh dianggap sebagai orang asing dalam negara mereka sendiri. Dan saya harap perkara ini dibetulkan, kalau tidak, saya tidak mahu keadaan ini menjadi serius sehingga rakyat di sana tidak akan menerima mereka atau menerima diri mereka sebagai seorang rakyat Malaysia tetapi hanya dihadkan untuk Sabah dan Sarawak sahaja.

Akhirnya, saya juga ingin meminta Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak tak kira parti bolehlah mengambil pendirian yang sama tentang perkara ini.

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih saudara saya sebelah sana, kawan baiklah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan. Sebetulnya perkara ini sudah dibangkitkan di dalam surat khabar, baik di Sarawak dan di Semenanjung. Ketua Menteri kita sendiri sudah membuat penjelasan. Yang saya ingin tanya di sini, adakah saudara Yang Berhormat pernah membaca surat khabar tentang penjelasan ini? Memang kita di dalam Barisan Nasional, dasar kita baik, dari segi implementasi banyak orang yang terlibat dan perkara ini saya rasa sudah diselesaikan. Adakah beliau sedar dan janganlah bangkit di sini perkara sensitif seperti itu. Saya pun orang Dayak, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, saya rasa Yang Berhormat di sana pun ikhlas dalam perkara ini dan saya percaya beliau ikhlas. Kalau perkara ini telah diselesaikan tahun lepas mengapa ia timbul

lagi? Apabila saya membawa perkara ini - Encik Guyang anak Umar datang berjumpa saya hanya dua bulan lepas sahaja. Ini satu perkara yang baru, bukan satu perkara yang lama. Kalau ia satu perkara yang sudah diselesaikan oleh pihak Barisan Nasional, saya rasa saya tidak akan timbulkan perkara ini, tetapi saya rasa sepanjang sepuluh tahun saya menjadi Ahli Parlimen, saya tidak pernah mendengar Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak ataupun Sabah, baik daripada Barisan Nasional manimbulkan perkara ini atau mengapa perkara ini sekarang masih belum diselesaikan? Saya baru terima panggilan daripada Encik Guyang dua minggu lepas; apa telah terjadi dengan kes saya?

Itu sebab saya cakap, kalau tidak ada perkembangan sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan beliau akan mengkaji perkara ini, saya menjanjikan beliau bahawa saya akan membawa perkara ini ke Parlimen kerana Ahli Parlimen Barisan Nasional dari Sarawak, nampaknya tidak ada minat tetapi saya harap perkara ini boleh diselesaikan dan kita boleh merujuk kepada perkara lain.

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Sila.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih saudara saya sebelah sana lagi. Sebetulnya perkara ini sudah berlaku. Saya ingin meminta penjelasan sekali lagi. Telah berlaku seperti yang saya katakan tadi tetapi untuk menyelesaikannya kita harus mengkaji kes ini, Tuan Yang di-Pertua, secara terperinci. Saya tidak membela saudara Guyang atau membela Melaka, yang penting iaitu di dalam keadaan seperti ini, apakah yang sesuai yang kita ambil iaitu keputusan dan untuk menyatakan Ahli Parlimen ataupun wakil rakyat dari Sabah dan Sarawak tidak membela, itu tidak betul. Kita ada cara di dalam Barisan Nasional. Adakah beliau sedar, Ketua Menteri sendiri dan Timbalan Ketua Menteri, seorang kaum Iban pernah mengeluarkan kata-kata di dalam surat khabar, kita sebagai pemimpin di bawah naungan mereka harus patuhi dengan aturan ataupun disiplin. Kita tidak memainkan perasaan. Itulah yang adil, kita minta pandangan daripada saudara saya.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya amat, bahawa Yang Berhormat cuba main politik di sini. Ini bukan perkara politik. Saya tidak ada kepentingan langsung dalam perkara ini.

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Hanya dari segi keadilan, ia sangat tidak adil dan kalau perkara ini menerusi cara yang saya rasa amat penuh dengan misterinya, kita tidak boleh tengok - samar-samar sekalilah, semua samar-samar. Tidak tahu macam mana cara Barisan Nasional. Kalau ia sudah diselesaikan mengapa ia masih timbul lagi? Mengapa sekarang ini ia tidak boleh diselesaikan? Mengapa sekarang ini Kerajaan Negeri Melaka masih berdegil tidak mahu meluluskan pembelian yang dibuat oleh Encik Guyang anak Umar. Kalau perkara ini boleh diselesaikan saya pun senang, saya tidak payah bawa perkara ini ke Parlimen tetapi Yang Berhormat kata sudah selesai, cakap tidak serupa bikin! Ini saya rasa 'disappointed' kerana hanya cakap sudah selesai tetapi tidak selesai.

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa kita tidak payah ulang-ulang. Yang Berhormat akan cakap Barisan Nasional cara konsensus bukan main perasaan, ini bukan hal perasaan, ini keadilan.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak kepada dia?

Tuan Lim Guan Eng: Buang masa, kalau.....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Kali terakhir, kali terakhir.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih saudara. Sebetulnya secara terperinci saudara Guyang kahwin dengan seorang Cina. Kalau kita menginterpretasikan mengikut Perlembagaan, misal kata pergi ke Sarawak kita ada undang-undang sendiri di Sarawak. Haruslah kita perhatikan, itu sebab saya katakan tadi saya sendiri pernah menyuarakan ini secara peribadi. Rakan kita sebelah sana dalam Public Account Committee saya pun wakil Sarawak dalam Public Account Committee tetapi yang saya difahamkan perkara ini akan dikaji. Menteri Datuk Abang Johari sendiri pernah mengatakan dalam surat khabar, itu sebab kita tunggulah walaupun dia selesai dua bulan, tiga bulan, kita ikut arahan daripada pucuk pimpinan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yalah. Silakan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkejut dengan penjelasan Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat berkata Encik Guyang tidak dapat haknya kerana beliau berkahwin dengan seorang Cina. Adakah kerana dia berkahwin

dengan seorang Cina, dia hilang tarafnya sebagai seorang bumiputera? Di sini, di Semenanjung Malaysia ada banyak orang Melayu kahwin bangsa lain tetapi mereka tetap bumiputera. Saya rasa penjelasan seperti ini amat mengejutkan sekali dan tidak boleh diterima langsung. Saya rasa kalau macam ini, tidak ada standardlah dan saya amat, dengan izin, sorely disappointed bila Yang Berhormat tidak mahu memberikan perhatian serius terhadap isu penting ini. Bukan sama ada dia kahwin kepada siapa, dia tetap seorang bumiputera, macam mana dia boleh hilang kerakyatan atau statusnya kerana dia kahwin dengan seorang yang bukan bumiputera? Kalau begitu orang Melayu yang kahwin dengan orang India, orang Cina pun bukan bumiputera? Adakah ini tafsiran Yang Berhormat? Saya rasa ini tidak boleh diterima oleh semua, bukan sahaja orang Iban, orang Kadazan tetapi pun tidak boleh diterima oleh orang Melayu di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu lagi membuang masa dengan tafsiran, yang saya rasa kolot ini, yang tidak boleh diterima tetapi saya ingin menyeru sekali lagi bahawa Kerajaan Pusat

Tuan Michael Lisa Kaya: Don't loose your temper.

Tuan Lim Guan Eng:ambillah perhatian serius dalam perkara ini.

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan ganggu macam itu ya. Ya, sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Ambillah perhatian serius dalam perkara ini kerana ia bukan hanya khusus kepada Guyang anak Umar. Ada banyak yang sudah kena tetapi hanya satu yang berani tampil ke hadapan. Kalau kita tengok perasaannya saya rasa you will be moved, sebagai seorang daripada Sabah dan Sarawak you will be moved kerana dia rasa terhina. Dia cerita, apabila dia pergi ke pejabat tanah, Datuk Leo Moggie dia anggap sebagai pemimpinnya, dia cakap dia ini bukan bumiputera kalau datang ke Semenanjung Malaysia. Macam mana perasaan you?

Kalau kita cakap Perdana Menteri, kalau jejak langkah di Sarawak bukan Perdana Menteri kita, apakah perasaan kalau dianggap pemimpin oleh orang Melayu kalau di Semenanjung Malaysia? Saya harap perkara ini bolehlah diberikan perhatian serius dan saya membawa perkara ini hanya atas prinsip keadilan kerana saya rasa, sama ada dia datang

daripada Sabah dan Sarawak atau di Semenanjung Malaysia, dia harus diberikan layanan yang sama dan parti DAP pun telah memberikan jaminan tetapi sebelum ini kita akan berikan peluang kepada kerajaan untuk menyelesaikan perkara ini. Kalau tidak saya rasa DAP bersedia untuk membawa perkara ini ke mahkamah, untuk menentukan hak seseorang tidak tercicir apabila dia meninggalkan negerinya tetapi kita akan menyerahkan perkara ini kepada Timbalan Perdana Menteri dan saya harap beliau akan membetulkan kepincangan ini yang saya rasa telah gagal dilaksanakan oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya tentang status bandar raya warisan kerana saya difahamkan bahawa negeri Melaka pernah memohon untuk menjadi sebuah bandar raya warisan di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu tetapi permohonan mereka telah ditolak dan saya ingin bertanya di sini, adakah permohonan yang telah dibuat oleh negeri Melaka telah pun ditolak dan atas sebab apakah mereka ditolak? Apakah sebabnya permohonan negeri Melaka untuk menjadi bandar raya warisan di bawah naungan Bangsa-Bangsa Bersatu telah pun ditolak?

Di sini saya juga ingin bertanya, macam mana kita boleh menonjolkan imej negara kita dengan membelanjakan RM10.6 juta untuk membiayai bayaran akhir penajaan pasukan Lumba Kereta Formula One? Dengan izin, is it money well spent. Kalau setakat sticker Malaysia di kereta itu, saya tidak nampak apa gunanya kita membelanjakan RM10 juta. Kalau jumlah wang ini digunakan untuk membekalkan air, api atau membina rumah kos rendah saya rasa ia akan memberikan manfaat dan faedah yang lebih berkesan kepada rakyat kita kalau berbanding dengan membelanjakannya untuk menaja pasukan Lumba Kereta Formula One dan saya tidak nampak apakah faedah dalam perkara ini.

Satu perkara yang terakhir yang saya ingin bangkitkan ialah tentang penswastaaan KTM Berhad yang dirancang oleh pihak kerajaan. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pernah menyatakan bahawa KTM Berhad yang diswastakan akan diberikan kepada tiga konsortium. Satu ialah Renong Bhd., yang kedua ialah DRB Hicom dan yang ketiga ialah Bolton Properties Bhd. Saya ingin tahu apakah jumlah penswastaaan ini, apakah status dan kedudukan penswastaaan ini dan berapa banyakkah wang yang akan dibelanjakan oleh pihak kerajaan ataupun apakah jaminan bank yang akan diberikan oleh pihak kerajaan ke atas aset-aset KTM ini apabila ia diambil alih oleh ketiga-tiga konsortium ini?

Dan satu soalan yang paling penting sekali ialah dalam proses menswastakan KTM ini adakah satu tender terbuka dijalankan? Saya telah menimbulkan perkara ini tetapi nampaknya apabila saya membawakan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, beliau cuba elak dan lari daripada menjawab soalan ini. Oleh sebab itu saya ingin meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang lebih tabah hati dan lebih berani menangani soalan-soalan daripada Parti Pembangkang. Harap beliau bolehlah lebih bertanggungjawab daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang suka ponteng Parlimen untuk memberikan jawapan tentang perkara ini. Adakah satu tender terbuka dijalankan dan apakah kriteria yang dikenakan dan yang penting sekali apakah kaitan Bolton Properties dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan?

Saya membuat pertanyaan ini kerana pernah satu ketika, beliau ada mempunyai saham-saham, anak syarikat atau syarikat dalam stable of companies Bolton Finance dan perkara ini telah pun dibawa oleh bekas Timbalan Presiden MCA, Datuk Lee Kim Sai apabila beliau mencabar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dalam pertandingan Presiden MCA lima atau tujuh tahun lepas di mana pegangan saham Bolton Finance dipertikaikan dan sekarang, hari ini - tujuh tahun kemudian - kita melihat Bolton Properties di mana mereka merupakan associate companies sebab kalau tidak may be subsidiary companies, merupakan satu pihak konsortium dalam penswastaaan KTM Berhad.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, apakah kaitan Bolton Properties dan sejauh manakah penglibatan, adakah timbul juga pencanggahan kepentingan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan apabila memberikan penswastaaan KTM kepada Bolton Properties Bhd.? Apabila saya menunjukan perkara ini pun kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, beliau tidak berani berdiri menjawab soalan saya, sungguhpun pada masa itu beliau buat 'cameo appearance' ke Parlimen tetapi beliau tidak berani datang dan saya ingin bertanya sungguhpun perkara ini telah lepas tujuh tahun tetapi saya masih ingat, tujuh tahun yang lepas saya masih ingat dan saya mahu jawapan ke atas soalan ini kerana ini adalah satu perkara penting. Lebih-lebih lagi apabila kita mahu membanteras rasuah, kita hendak tahu adakah penswastaaan KTM Berhad ini over-board. Inilah soalan yang penting sekali.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Balik Pulau.

6.00 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan Perbekalan Tambahan. Seperti yang kita tahu belanjawan adalah merupakan sama ada dalam bentuk asal ataupun tambahan adalah merupakan satu alatan dasar fiskal kerajaan untuk menangani keadaan ekonomi semasa. Tetapi yang menjadi tajuk yang diperbincangkan dalam dua, tiga minggu yang lepas adalah banyak lebih berkaitan kepada dasar kewangan negara yang membincangkan antara lain tentang kedudukan pertukaran mata wang asing, Dollar Ringgit dengan Sterling dan juga mata wang-mata wang yang lain yang mana kita dapati bahawa sekarang ini Ringgit didapati sedang mengalami kekusutan nilai berbanding dengan mata wang-mata wang yang besar di dunia ini dan juga kita dapati fenomena peningkatan kadar faedah terutamanya kadar faedah jangka pendek di pasaran Malaysian Monetary Exchange misalnya kita dapati pada minggu yang lepas peningkatan yang begitu mendadak dalam kadar Klibor tiga bulan meningkat sehingga 50% dan pada masa yang sama juga keadaan pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur masih lagi mengalami tahap penguncupan yang teruk. Ada ketikanya ianya telah jatuh di bawah paras 1,000 KLCI dan ini menimbulkan pelbagai masalah dan terdapat juga kenyataan-kenyataan yang dibuat yang mengaitkan kedudukan ini dengan defisit dalam akaun semasa negara dan sebagainya.

Kita dapati juga terdahulu daripada ini banyak orang memperkatakan bahawa yang mencetuskan masalah ini adalah tindakan-tindakan yang diambil oleh Bank Negara Malaysia dalam pada mengetatkan mengawal pasaran kredit dengan mengenakan sekatan-sekatan tertentu untuk memastikan supaya pasaran hartanah tidak terlalu berkembang dengan kadar yang begitu cepat dan membahayakan keadaan ekonomi.

Saya ingin mengatakan sedikit pandangan saya dan mungkin mendapat pandangan daripada Kementerian Kewangan tentang apa yang berlaku dalam dua, tiga minggu yang lepas. Saya tidak bersetuju misalnya apa yang telah dilakukan kenyataan yang telah dibuat daripada kementerian, sama ada daripada Perbendaharaan ataupun Bank Negara Malaysia sendiri tentang usaha untuk mempertahankan Ringgit. Bagi saya, kenyataan-kenyataan terbuka oleh pentadbiran kerajaan sama ada daripada mana pun, daripada Bank Negara,

Perbendaharaan dan kementerian sendiri untuk kenyataan terbuka yang mengatakan kita mahu mempertahankan Ringgit. Adalah satu kenyataan yang kurang bijak dari segi analisis ekonominya ialah ianya satu kenyataan yang sungguh tidak patut dibuat kerana kita tahu bahawa walaupun Bank Negara Malaysia mempunyai rizab yang agak baik sekarang ini boleh menampung, saya ingat, beberapa bulan kadar import kita tetapi kita harus sedar bahawa Bank Negara Malaysia tidak mungkin dapat mempertahankan Ringgit dengan secara mengumumkan dengan terbuka berbanding dengan sumber-sumber kewangan yang ada kepada mereka yang main pasaran tukaran wang asing ini, mereka mempunyai berpuluh-puluh bilion ringgit jika mereka hendak masuk dalam pasaran tukaran asing ini.

Jadi, adalah lebih baik supaya daripada sekarang ini Bank Negara Malaysia sebagai satu bank pusat kerajaan hendaklah bertindak, pertamanya secara yang bebas daripada apa yang berlaku. Maknanya, Bank Negara Malaysia sepatutnya bertindak dengan secara yang bebas dan tersendiri dengan mempunyai matlamat-matlamatnya yang tersendiri. Kalaulah Bank Negara Malaysia mempunyai satu polisi yang telus, yang jelas dan yang konsisten, jadi semua mereka di dalam pasaran sama ada pasaran modal, pasaran apa juga pun mempunyai kefahaman yang jelas tentang apakah dasar-dasar Bank Negara Malaysia dan dasar ini tidak bolehlah diubah-ubah dari masa ke semasa bergantung kepada kedudukan pasaran barangan. Bank Negara Malaysia melalui instrumen-instrumen dasar kewangannya mengawal sektor kewangan yang berbeza dengan pengawalan yang diadakan dalam sektor barangan. This is different between the real economy with the monetary economy. Biar Bank Negara bertindak dengan secara sendiri, dengan matlamatnya yang tersendiri. Kalau Bank Negara kata matlamatnya ialah untuk mengawal inflasi, maka Bank Negara jelas hendak kontrol inflasi, dia akan melakukan apa juga untuk kawal inflasi tidak melebihi sekian-sekian peratus dengan menggunakan instrumen-instrumen dasar kewangan yang ada padanya. Kalau Bank Negara kata dia hendak jaga supaya kadar pertumbuhan penawaran wang (money supply) tidak mahu terlalu tinggi dan dia katakan itu dasarnya dan dia buat apa juga ketetapan untuk mencapai dasar yang tersebut, tetapi Bank Negara tidaklah boleh ubah-ubah, Bank Negara tidak boleh terlalu terpengaruh dengan keadaan semasa yang berlaku di dalam pasaran dan mengubah polisinya. Dan adalah satu tindakan yang

tidak baik langsung untuk bank misalnya membuat pengumuman seperti yang dibuat untuk bank melindungi nilai Ringgit kerana itu adalah satu keputusan yang tidak wajar bagi saya, pada pendapat saya. Bank Negara hendaklah daripada sekarang dan saya dapati pun kenyataan yang dibuat oleh salah seorang daripada Timbalan Gabernonya di Bahagian Ekonomi, kenyataan Dr. Zety adalah tepat. Bank Negara hendaklah menjalankan dalam pada menentukan matlamatnya dan menjalankan polisi-polisinya dengan lebih terbuka dan lebih berdasarkan kepada kuasa pasaran (market forces) yang ada.

Dalam belanjawan (budget) kita boleh kontrol benda dalam negeri, tetapi dalam pasaran kewangan Malaysia yang banyak berkait dengan pasaran antarabangsa, dalam pasaran pertukaran asing, rasa saya modal dan sebagainya, kita tidak dapat tidak kena menerima hakikat bahawa mekanisme pasaran itu akan menentukan tingkat-tingkat harga yang tertentu sama ada ianya kadar tukaran asing, kadar faedah ataupun sebagainya, jadi kita kena terima yang itu. Kita tidak boleh kata kita adalah sebuah negara perdagangan antara 20 yang terbesar dalam dunia, tetapi kita menjalankan dasar kewangan kita yang tidak mengakui bahawa keterbukaan ekonomi kita kepada pergerakan dan keputusan-keputusan yang diambil di dalam pasaran di antarabangsa.

Jadi, Bank Negara hendaklah menjalankan dasarnya dengan secara yang terbuka dengan mengambil kira pergerakan mekanisme pasaran pada tingkat-tingkat harga sama ada interest rate ataupun apa juga mekanisme yang berlaku di pasaran antarabangsa. Kalau tidak kita melakukan perkara tersebut, kalau kita cuba melakukan dasar yang bercanggah dengan mekanisme pasaran, maka kita akan membayar harga yang cukup tinggi. We will pay a very heavy price kalau kita hendak bercanggah dengan arus aliran kuasa pasaran antarabangsa.

Jadi, kita kena mengakui pada benda-benda yang tertentu, khususnya dalam dasar kewangan ini kita akur kepada kuasa pasaran dan kita menjadikan pasaran dunia itu sebagai kekangan dalam pada kita hendak melaksanakan polisi kita. Dalam dasar fiskal, okay, tak apa, sebab kita ada belanjawan, kita boleh tentukan dasar percukaian dalam negara, kita boleh tentukan insentif untuk menggalakkan sektor-sektor tertentu, kita boleh menggunakan dasar percukaian di dalam pelbagai bentuk untuk tujuan agihan dan sebagainya, tetapi dalam soal dasar kewangan ini hendaklah kita menjadi lebih prudent sedikit. Ini kita naikkan interest rate sebab

kita hendak protect Ringgit. Bila kita naikkan interest rate, hendak protect Ringgit, nanti pasaran saham pula jatuh sebab dia takut ada penguncupan permintaan akibat daripada peningkatan kadar faedah tetapi pada masa yang sama kadang-kadang kita dengar statement mengatakan bahawa kita hendak kontrol sedikit permintaan agregat di negara kita ini dengan memperlahankan kadar pertumbuhan negara. Satu cara daripada hendak buat benda itu ialah kita naikkan sedikit interest rate atau mengenakan sekatan-sekatan dan peraturan yang lain. Jadi, kalau saya sendiri menjadi seorang yang duduk dalam pasaran, kadang-kadang saya nampak signal yang berlainan, yang cuba dilakukan untuk mencapai matlamat yang berbeza-beza.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada penjelasan Yang Berhormat beri tadi, adakah Yang Berhormat juga bimbang keadaan tidak konsistennya Bank Negara ini akan melibatkan pelabur-pelabur kita yang ada ini lari dan yang hendak datang itu pun berasa takut, jadi akhir-akhirnya hak yang kita dok kawal terlepas, hak yang kita dok pelan pun tersungkur habis. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat? Adakah Bank Negara ini perlu lebih profesional dari segi menjalankan kerja, banyak bercakap, kerja tak banyak, macam mana pandangan Yang Berhormat?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih saudara saya dari Yan. Itulah maksud saya. Maknanya, sekarang ini apabila negara sudah terbangun dan bukan lagi negara dunia ketiga, negara curut, negara yang sudah ada kedudukan dan merupakan satu pemain dalam pasaran modal dunia, maka kita kena bertindak dengan cukup profesional dan kita kena mengakui kehendak dan juga mekanisme pasaran antarabangsa dan orang kena lihat kita sebagai berkemampuan untuk buat keputusan seperti yang saya katakan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Yan kerana kalau tidak, ini bukan Bank Negara sahaja, kesemuanya yang buat keputusan tentang ekonomi ini, kalau tidak orang akan hilang keyakinan, itu masalahnya. Kalau orang hilang keyakinan, bila kita kata, ini dasar kerajaan, jadi orang kata, yang ini boleh berubah. Jadi, tidak ada kredibiliti. Itu sebabnya saya katakan Bank Negara Malaysia hendaklah bertindak secara bebas supaya dia ada

pernyataan matlamatnya yang jelas supaya dia ada kredibiliti dalam pasaran. Bila dia kata, kita nak buat yang ini, dia ada kredibilitinya, orang percaya. Kalau tidak ada kredibiliti, nanti bila kita announce dasar, orang kata, ini boleh berubah pula. Dia announce yang ini, boleh berubah pula. Kredibiliti dalam pasaran terutamanya dari segi regulatory body ini adalah cukup penting.

Saya rasakan bagi satu institusi seperti Bank Negara ini tidak hidup sepenuhnya atas kredibiliti, tetapi mungkin sekarang ini tidak ada pemisahan yang jelas dari segi kuasa di antara apa yang boleh dibuat oleh Bank Negara dan apa yang boleh dibuat oleh kerajaan keseluruhannya. Saya rasa adalah lebih baik kita bergerak kepada satu arah di mana Bank Negara Malaysia sebagai institusi yang menjalankan dasar kewangan negara menjadi satu badan yang lebih bebas daripada kerajaan. Dia mempunyai dasarnya yang tersendiri untuk mencapai matlamat-matlamatnya yang tersendiri dan dia konsisten dalam pada dia membuat keputusan yang tersebut.

Jadi, saya nampak serangan yang dibuat oleh spekulasi dalam pasaran tukaran asing ini merupakan kalau dari sudut kita kata, depa ini dok mai attack Ringgit. Itu satu sudut. Tetapi cuba kita pandang daripada sudut yang lain, dia masuk sebab dia tengok ada kesempatan, dia tengok ada ruang dan dia boleh buat duit, dia masuk. Ini merupakan satu keadaan yang wujud, satu peluang, opportunity kepada dia, dia bukan kisah apa, depa ini yang mengawal ruang dana yang besar ini dia bukan kira ini Malaysiakah, ini Thailandkah, ini siapa, dia kira dekat sini ada peluang untuk dia buat duit, dia masuk. Kita kena fikir kenapakah wujud peluang yang tersebut? Ini merupakan persoalan yang lebih penting.....

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu perkara yang begitu penting dan ada minat sedikit. Saya minta penjelasan ataupun pandangan daripada saudara Yang Berhormat yang pakar dalam bidang pasaran Ringgit. Saya ingin bertanya, ada kemungkinan pada masa dahulu cara Bank Negara mentadbir di dalam keadaan seperti begini telah merugikan. Persoalan saya iaitu, saya sudah 11 tahun dalam bank, adakah di dalam keadaan seperti begini sesuai untuk Bank Negara, dengan izin, to defend the Ringgit ataupun biar keadaan secara bebas, konsisten mengikut market forces seperti yang dikatakan tadi. Sekian.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih. Saya rasakan macam inilah kalau Bank Negara hendak defend ringgit pun tidak payahlah pergi announce dalam newspaper, we are going to defend the ringgit. Jadi, tidak perlu Bank Negara hendak buat. Tetapi pada umumnya, pada pendapat saya ialah Bank Negara terutamanya sebuah negara macam Malaysia yang sebenarnya bukanlah negara yang besar setera mana sangat. Kita kena akui dalam konteks pasaran dunia ini kita bukanlah besar sangat. Jadi, adalah lebih baik supaya jangan kita melawan arus. Kalau kita melawan arus itu mewujudkan peluang-peluang untuk orang yang membuat spekulasi ini mengambil kesempatan, dan apabila ruang itu terbuka dan dieksploit oleh mereka, ruang itu lagi terbuka luas.

Hari ini kita lihat sejak minggu lepas mungkin Bank Negara mengambil sikap lepas tangan sedikit dan kita nampak pertukaran Ringgit dengan Dollar sudah pergi kepada 2.65. Kalau kita ikhlas pun, kita kena fikir juga daripada 2.47, 2.48 pergi kepada 2.65, satu penurunan yang agak ketara. Jadi, saya bukanlah pakar dalam bidang ini sebenarnya. Saya tidak berapa suka dalam bidang makro ekonomi ini, cakap pi-lah orang kata pun.

Perkara yang kedua yang saya ingin bangkitkan ialah tentang pada keseluruhannya saya - yang ini lebih saya ertilah sedikit, bahawa dalam struktur organisasi industri di negara kita ini sama ada ekoran daripada dasar-dasar kerajaan ataupun daripada dasar penswastaan ataupun mergers and acquisition dan sebagainya, kita lihat sekarang ini terdapat satu kecenderungan untuk peningkatan kuasa pasaran ataupun penumpuan kuasa pasaran, pengwujudan kuasa-kuasa monopoly ataupun oligopoly dalam negara kita ini. Mungkin ada orang mengatakan bahawa kita hendak menjadikan syarikat-syarikat dalam Malaysia ini menjadi cukup besar kerana untuk memungkinkannya dia pergi bersaing dengan syarikat-syarikat besar lain di dalam pasaran antarabangsa. Setengah orang memberi alasan bahawa kita kena beri saiz yang cukup besar supaya dia boleh pergi compete dalam pasaran antarabangsa dengan syarikat-syarikat gergasi yang lain.

Tetapi pada satu sudut yang lain memberi kuasa pasaran yang begitu besar kepada syarikat-syarikat tertentu adalah vertically integrated company ini juga menimbulkan ketidakcekapan di sudut yang lain yang menimbulkan ketidakcekapan dari segi harga yang dia caj kepada pengguna-pengguna di negara kita ini. Saya juga tidak pasti sama ada saiz adalah penentu kemampuan untuk bersaing. Ada industri-

industri yang mempunyai sekatan-sekatan tertentu dari segi keperluan fixed cost yang tinggi mungkin saiz adalah penting. Tetapi ada industri-industri yang lain yang mana tidak mempunyai ciri yang tersebut, saiz tidak menentukan bahawa satu-satu company itu boleh bersaing dengan berkesan di pasaran antarabangsa. Jadi, kita takut sedikit.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Saya beri kepada Yan dahulu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bersetuju, kadang-kadang bila syarikat ini menjadi begitu besar, sehinggakan kadang-kadang pihak kerajaan sendiri tidak dapat menguasai atau kontrol syarikat tersebut, hinggakan kadang-kadang dasar-dasar yang dibuat itu bercanggah dengan kehendak kerajaan, walaupun di peringkat awal bila kerajaan bersetuju, mereka pun sign, bubuh cop, panggil TV tunjuk pakat sign, mereka akur. MoU, ikan yu semua masuk, clear. Tetapi bila sudah besar kita tidak boleh hendak kontrol. Bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, 'kita bimbang kerana tidak ada usahawan di peringkat menengah.' Macam mana hendak wujud di peringkat menengah, kalau yang besar dok telan, tidak lepas masuk ke tengah. Kalau main bola pun kalau yang tengah sahaja dok score, hak kiri-kanan tidak boleh tumpang cari makan, hak 'forward'lah popular.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa syarikat-syarikat besar ini pun walaupun dia besar, kalau dia tidak mengikut peraturan-peraturan yang kita buat, yang Dewan Rakyat lulus ini, kerajaan berhak untuk tarik balik, adakah bersetuju? Mereka diwajibkan mewujudkan ahli-ahli perniagaan menengah, konsep vendor dan sebagainya. Berapa banyak syarikat, Yang Berhormat pakar bahagian syarikat. Saya pakar bahagian rendah sahaja, orang kampung sahaja, PPRT. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju syarikat gergasi yang besar yang ada yang pergi melabur di luar negara, yang dalam negeri pun tidak selesai masalah lagi, skim vendor tidak berjalan, semua monopoli, syarikat luar masuk tidak langsung beri kepada anak-anak tempatan. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya ini? Terima kasih.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Saya ini bercakap sahaja bab-bab ekonomi, tetapi PPRT juga. [Ketawa] Teori sahaja. Saya bersetuju, kalau kita lihat sebagai satu dasar adalah lebih baik kalau kita

- macam orang pergi mengail ikan, lebih baik kita pasang banyak kail daripada kita pasang satu kail besar pula. Kalau tidak dapat yang itu, terlepas habislah. Lebih baik kita bubuh banyak pancing dan kita bubuh banyak kail. Kalau kita hendak betting, lebih baik kita agih-agihkan bet kita itu supaya pada keseluruhannya kemungkinan untuk dapat pulangan itu lebih tinggi. Jadi, jawab macam itulah.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Cuma yang kedua, betting itu judi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa suka. [Ketawa] Boleh tarik balik, yang ini terlibat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Itu analogy sahaja. Maknanya, saya setuju. Misalnya, adalah satu yang telah diperkatakan banyak, tetapi kita tidak nampak lagi rang undang-undang ataupun cadangan tentang ini. Kita kena ada satu undang-undang yang regulate competition, persaingan. Kalau kita dapati satu-satu sektor dimonopoli sehinggakan menghakis persaingan, maknanya tinggal seorang, tinggal dua orang sahaja yang besar dalam sektor itu, maka akan wujud fenomena Yang Berhormat katakan tadi. Dia tidak kisah bila dia sudah jadi monopoli dan mempunyai kuasa pasaran, dia akan secara tersendirinya menjadi satu entiti yang akan melindungi kepentingan dia, dan tidak semestinya entiti yang sedemikian apabila dia melindungi kepentingan dia, dia mencapai hasrat dan cita-cita kita yang lebih merangkumi orang ramai. Saya pun tidak tahu, mungkin kerajaan kena fikir hendak guna model macam Taiwan yang mana kita ada kecil, kecil, kecil, kecil, banyak ataupun kita hendak pakai macam Korea yang ada gergasi yang besar-besar. Tetapi kalau kita lihat dari segi bukti empirical sekarang ini saya lebih cenderung kepada model Taiwan daripada model Korea. Model Korea, sakit. KIA yang buat kereta sportage pun baru-baru ini sakit. Jadi, ini terpulang kepada kerajaan untuk fikirkan tentang bagaimana kita hendak ada satu dasar mengawal persaingan supaya ada competition.

Kita tidak dapat nafikan dalam sektor yang mana ada persaingan walaupun ada kalam-kabut sedikit dalam sektor telefon bimbit, apabila diliberalkan pemberian lesen untuk mengoperasikan telefon bimbit, yang mendapat manfaat ialah pengguna. Tetapi ada sektor-sektor lain sama ada dari segi penswastan ataupun apa benda juga, yang mana tidak ada competition dan pengguna yang suffer. Kita lihat satu contoh yang jelas, Proton cukuplah. Proton ini semua orang subsidise Proton, sama ada dia

beli Proton, dia tidak beli Proton, dia subsidise Proton sama ada cara yang langsung ataupun tidak langsung. Tetapi lambat juga dia hendak pergi tembus pasaran luar, sebab dia boleh buat duit di sini, senang. Sebab dia mendapat perlindungan daripada dasar-dasar kita untuk melindungi dia sebagai satu syarikat infant industry. Jadi, mungkin insentif dia untuk pergi ke luar yang merupakan hasrat kita ialah kita ada satu syarikat kereta kebangsaan yang kita boleh bangga, yang menjadi tunjang kepada industri berat kita, selepas itu dia kena keluarlah, pergi bersaing dengan orang lain. Tetapi kalau dia senang sangat buat duit di Malaysia, takkan dia hendak 'rengkuh' teruk-teruk pergi buat duit di luar. Jadi, ini terpulang kepada - hendak dengar kebijaksanaan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan untuk menjawab soalan ini.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:
[Bangun]

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun ini hendak bertanya?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tidak mengapa berikan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik dengan pakar ekonomi kita, Yang Berhormat dari Balik Pulau, iaitu tentang heavy industry, dengan izin. Saya khuatir apa yang kita katakan bahawa apa yang kita libatkan diri kita dengan pembelian barang-barang di luar negara, yang mana pembelian barang-barang itu kita terpaksa membayar dengan wang ataupun sama ada Dollar Amerika ataupun Pound Sterling dan sebagainya, dan ini menyebabkan pembelian Dollar Amerika ataupun Pound Sterling dengan jumlah yang begitu banyak dan selling Ringgit, dengan izin, pada waktu yang sama. Jadi, kalau kita tidak merancang seperti untuk menyiapkan Projek Bakun yang berbilion Ringgit, KLIA, KLCC dan sebagainya, apabila ianya jatuh pada tarikh yang sama, maka ini akan menyebabkan penjualan Ringgit untuk membeli US Dollar.

Apa yang lebih kritikal ialah apabila satu-satu company yang membeli barang-barang dalam keadaan usen ataupun dalam erti kata mempunyai tempoh yang tertentu, seperti LC usens dan tidak site LC. Ini bermakna pembayaran akan dibuat

dalam tempoh sebulan, dua bulan ataupun tiga bulan ataupun tempoh yang lebih lama lagi. Pada masa tarikh ataupun negotiation period jatuh pada tarikh yang sama ataupun hari yang sama ataupun bulan yang sama menyebabkan Ringgit itu dijual dengan jumlah ataupun saiz yang begitu besar, menyebabkan kejatuhan Ringgit. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat dari Balik Pulau tentang pendekatan ini, iaitu lebih kepada perancangan yang teratur oleh baik Bank Negara ataupun syarikat-syarikat yang besar?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Pendek cerita, kalau perjanjian dan juga perniagaan, pertamanya memanglah kalau kita komited untuk membeli begitu banyak barangan daripada luar mestinya ia menimbulkan tekanan kalau kedudukan akaun semasa kita tidak elok dan sebagainya, ia menimbulkan tekanan untuk Ringgit itu makin lemah. Apabila kita terperangkap dalam kelemahan Ringgit selepas kita buat perjanjian, maka kita memang - misalnya macam Projek Bakun, kalau dibuat agreement dengan ADB untuk beli benda kelengkapan dan sebagainya dalam US Dollars, jadi kosnya dalam Ringgit sekarang ini nanti naik dengan kadar yang cukup beratlah, melebihi anggaran Ringgit. Mungkin kalau dia beri anggaran dia dahulu dalam Dollar, saya tidak tahulah. Tetapi kalau dia beri anggaran dia dahulu dalam Ringgit, kedudukan sekarang ini kos projek itu akan meningkat.

Saya ada lima minit lagi, saya hendak habiskan...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yan bangun, kalau Yan tanya, Yang Berhormat tidak ada masa hendak jawab.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit sahaja. Pasal duit kita kena jaga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tahulah, tetapi masa kita tidak ada. Masa pun kena jaga juga. [Ketawa] Yang Berhormat dari Balik Pulau sila teruskan. Yang Berhormat tidak ada masa hendak jawab.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Okay, tidak mengapa.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak mengapa, saya beralah.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Akhirnya, kita keluar sedikit daripada ekonomi pergi kepada isu yang kalau sebelum saya jadi Ahli Parlimen, saya duduk dalam keadaan ini. Isu pengkorporatan

universiti ini yang kita lihat telah diumumkan untuk dilaksanakan di Universiti Malaya. Saya ingin mengetengahkan pendapat saya tentang ini, kerana kita nampakkan dasar itu banyak dicirikan oleh gaji. Maknanya, gaji itu berubah, seolah-olah pengkorporatan yang bermaksud sebenarnya untuk meningkatkan kecekapan pengurusan universiti yang seterusnya menyumbang kepada pembangunan pendidikan tinggi di negara kita ini bertunjangan semata-mata ke atas gaji. Yang itu walaupun betul, tetapi saya tidak setuju. Gaji pula adalah lebih yang dicadangkan adalah linear, mengekalkan ke'linear'an, pemikiran yang linear. Maknanya, ia merupakan satu scaler transformation, naikkan secara linear semua orang dan tidak ada perubahan yang conceptual. Vice Chancellor masih lagi dapat gaji yang paling tinggi dalam universiti. Itu satu pengekal konsep linearity yang saya maksudkan. Kenapa tidak profesor yang mempunyai kepakaran, kebiduanan yang tinggi dan ilmu yang tinggi, gajinya tinggi daripada Vice Chancellor. Ini mengekalkan linearity dalam pengenaan gaji. Ini saya tidak berapa setuju ia boleh menyelesaikan masalah yang kita cuba selesaikan. Ia tidak menyelesaikan masalah bagaimana untuk menarik orang untuk menjadi pensyarah, sebab itu adalah masalah yang sebenar. Tetapi gaji yang dicadangkan itu lebih daripada mengekalkan orang supaya tidak lari keluar. Tetapi seperti yang dikatakan oleh Persatuan-persatuan Kakitangan Akademik, masalahnya sekarang ialah untuk tarik orang hendak masuk, bukan tidak beri profesor dead wood ini kadang-kadang keluar.

Jadi, perbezaan gaji itu tidak menunjukkan bahawa kita serius hendak tarik orang masuk. Kita lebih serius hendak tahan orang daripada keluar. Tidak ada satu profesor yang senior, profesor penuh dia dapat sampai RM12,000 atau RM13,000 yang tidak berapa laku di luar pun dia tidak akan keluar. Tetapi hendak tarik orang umur 27 tahun, ada Ph.D masuk, susah. Jadi, skim gaji itu kerana dia masih lagi linear, saya menyuarakan pendapat rakan-rakan di universiti supaya dilihat semula dari segi cadangan pengkorporatan ini, pertamanya janganlah kita landaskan keseluruhannya konsep pengkorporatan universiti itu seolah-olah kepada soal gaji, kerana ada perkara-perkara lain yang lebih dipentingkan oleh kakitangan akademik selain daripada gaji.

Yang keduanya, kalau hendak tengok gaji, tengok apakah dia masalah yang cuba kita hendak selesaikan dan cuba selesaikan di situ, saya tidak rasa Vice Canselor ini

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Sambung esoklah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. *[Ketawa]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan
Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang
di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3),
Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan
Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Dasar Perumahan Negara

6.31 ptg.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik
Pulau]:** *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sambung hak tadi
pun tak apa! *[Ketawa]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang
di-Pertua, saya hendak tukar lagu. Saya
mengusulkan untuk memberi ucapan penangguhan
bersangkutan dengan Dasar Perumahan Negara
yang sekarang ini.

Saya timbulkan hal ini kerana soal perumahan
ini banyak diperkatakan, ada yang cakap fasal rumah
murah dan bercakap fasal rumah mahal dan
sebagainya, saya merasakan bahawa pemilikan
rumah adalah merupakan satu matlamat yang patut
kita jadikan satu matlamat oleh kerajaan sebagai asas
ataupun petunjuk peningkatan kesejahteraan rakyat.
Yang menjadi masalah sekarang ialah walaupun kita
mengalami pertumbuhan ekonomi yang baik,
terdapat orang kata mismatch dari segi apa yang
dibekalkan di pasaran, dari segi jenis dan harga
rumah dengan apa yang mampu dibeli oleh rakyat
pada umumnya.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah sudah ada satu kajian ataupun satu penglihatan atau analisis yang kita lihat apakah taburan kuasa beli yang ada dalam pasaran, maknanya berapa peratus daripada rakyat kita mampu untuk membeli rumah sekian harga, berapa peratus sekian harga dan taburannya secara geografi dan bandingkan keadaan tersebut dengan penawaran ataupun jenis-jenis rumah yang ditawarkan dalam pasaran.

Jadi, boleh kita melihat sama ada terdapat keselarasan di antara kedua benda ini antara permintaan dan penawaran ini ataupun terdapat kesongsangan di antara permintaan dengan penawaran.

Jadi, kalau ada kesongsangan ini, kita takut harga akan naik terlalu tinggi ataupun kuantiti rumah yang dibekalkan terlalu rendah. Ini merupakan satu perkara yang membimbangkan saya. Saya rasa kalau kita tengok per kapita pendapatan rakyat kita di Malaysia dan kita melihat purata harga rumah, kalau tak salah saya, pendapatan per kapita kita adalah RM11,000 tahun lepas, rumah murah pun berharga RM25,000 maknanya rumah murah pun dua kali ganda lebih pendapatan per kapita.

Maknanya dua tahun pendapatan untuk membayar harga rumah murah. Kalau kita ambil rumah teres di Pulau Pinang misalnya di kawasan saya kalau RM360,000, berapa kali ganda pendapatan per kapita satu-satu orang? Jadi, ini membimbangkan kita kerana saya takut, walaupun kita janakan pertumbuhan ekonomi, walaupun kita janakan peluang-peluang pekerjaan yang membolehkan rakyat kita bekerja sampai tak cukup kerja, kita panggil orang lain untuk bekerja, tetapi ia tidak membolehkan mereka yang bekerja ini secara ikhlas, membayar gaji, bangkit pagi sampai malam, cukai bayar tak tipu orang, tetapi dia tidak boleh membeli rumah.

Dan ini kita rasakan adalah satu dari segi soal keadilan dan soal petunjuk yang lengkap tentang apakah kita sudah berjaya membangunkan negara ini dengan sejahtera, dengan adil, ia ada soalan sedikit kerana ramai orang bekerja betul, ada kerja, bayar cukai tetapi tak boleh membeli rumah. Ramai orang seperti demikian ada di dalam kawasan saya yang bekerja kilang itu, dia bekerja kuat, dia tak jadi orang pun, dia kerja tiga syif kadang-kadang, tetapi dia tidak boleh membeli rumah.

Jadi, kita hendak supaya selain daripada ada kita tahu, kita tidak boleh kawal secara terperinci

pemaju-pemaju ini macam mana dia hendak bangun rumah macam mana, tetapi kita boleh dengan kita memahami dengan lebih jelas kedudukan pasaran perumahan di negara kita ini mungkin mereka yang memajukan tanah-tanah ini akan lebih prihatin dan kerajaan sendiri boleh memberi insentif-insentif yang tertentu untuk memungkinkan lebih ramai orang boleh memiliki rumah kerana kesejahteraan satu-satu orang itu ialah dia boleh memiliki rumah, ada keluarga yang boleh berada dalam rumahnya dan rumah itu sendiri pun akan menjadi penjamin nilai kekayaannya yang terbaik berbanding dengan aset-asetnya yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

6.36 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam rancangan program perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat kajian menyeluruh untuk menentukan keperluan dan sasaran perumahan. Perkara-perkara yang diambil kira dalam penyediaan keperluan dan sasaran perumahan ialah kadar pertumbuhan penduduk, penggantian unit rumah, tahap pendapatan isi rumah di semua negeri dan jenis serta harga rumah yang perlu disediakan.

Dalam rancangan program perumahan untuk RMK-7, kumpulan pendapatan telah dibahagikan kepada lima untuk disesuaikan dengan harga rumah mengikut kemampuan golongan tersebut. Isi rumah yang berpendapatan kurang dari RM500 sebulan yang dikategorikan sebagai rakyat miskin dan termiskin memerlukan bantuan dari kerajaan dalam bentuk bantuan penuh dalam Program Perumahan Rakyat Termiskin dan sewaan yang rendah di bawah Program Perumahan Rakyat Dana RM600 juta. Sejumlah 45,000 unit atau 4.4% dari sasaran perumahan diperlukan di bawah program ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 200,000 unit rumah kos rendah perlu disediakan bagi golongan yang berpendapatan di antara RM501 sehingga RM750 berharga tidak lebih dari RM25,000 seunit bersesuaian dengan kemampuan golongan tersebut.

Jumlah terbesar sebanyak 350,000 unit atau 43.8% dari sasaran terdiri daripada rumah kos sederhana rendah yang berharga di antara RM25,001 hingga RM60,000 diperlukan bagi golongan yang berpendapatan di antara RM751 hingga RM1,500 sebulan.

Kategori baru ini diadakan bagi mengambil kira peningkatan pendapatan rakyat dari berpendapatan rendah kepada berpendapatan sederhana rendah serta keperluan perumahan mereka dan mengurangkan persaingan ke atas rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 130,000 unit lagi disasarkan kepada golongan berpendapatan sederhana, di antara RM1,501 hingga RM3,000 sebulan dengan harga di antara RM60,000 sehingga RM100,000 se unit.

Selebihnya sebanyak 85,000 unit atau 10.6% dijangka dibina bagi golongan berpendapatan tinggi menjadikan keseluruhan sasaran perumahan di bawah RMK-7 ini sebanyak 800,000 unit.

Kerajaan sedang mengkaji semula harga rumah kos rendah bagi disesuaikan dengan kos sebenar untuk membolehkan lebih banyak rumah kos rendah disediakan. Dengan penyesuaian harga itu, adalah dijangkakan takrif dan tahap golongan berpendapatan rendah juga akan diubah.

Bagi mendapatkan keselarasan di antara kemampuan golongan-golongan berpendapatan sederhana dan rendah dengan jenis-jenis rumah yang dibekalkan, peranan kerajaan negeri dan pemaju swasta adalah penting dalam menyediakan jenis dan harga rumah yang bersesuaian dengan lokasi dan permintaan.

Kerajaan Pusat telah dan sedang melaksanakan pelbagai program perumahan seperti perumahan rakyat termiskin, perumahan awam kos rendah, dana RM600 juta untuk perumahan rakyat sewaan, dana RM500 juta bagi pemaju, tabung pusingan perumahan RM2 bilion di bawah penyelarasan Bank Negara, penglibatan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan baru-baru ini dengan peruntukan RM1 bilion untuk pembangunan perumahan oleh Syarikat Perumahan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan kepada pandangan daripada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood.

Mendepani Israel dan Zionis - Jenayah Talam Dua Muka

6.43 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ucapan Penangguhan saya, saya namakan Mendepani Israel dan Zionis - Jenayah Talam Dua Muka.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan negara-bangsa atau nation-states, dengan izin, selepas penjajahan dan kelahiran negara-negara baru merdeka menimbulkan identiti yang pecah di kalangan rakyat khususnya golongan kepimpinan

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:
[Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin memaklumkan nampaknya tidak ada kuorum dalam Dewan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bilang.

[Ahli-ahli dikira; kurang 26 Ahli hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Tak cukup kuorum, diminta bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

[Ahli-ahli dikira; kurang 26 Ahli hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak cukup kuorum, maka terpaksa saya menangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.